



JABATAN AUDIT NEGARA / NATIONAL AUDIT DEPARTMENT
LAPORAN AKTIVITI TAHUNAN
ANNUAL ACTIVITY REPORT

2009



Isi Kandungan



RASIONAL KULIT

Motif “merah magenta” pada jaluran bersama-sama bintang bergemerlapan menggambarkan susunan penyampaian perkhidmatan yang efisien serta bersistematik. Ianya merangkumi keseluruhan maklumat perkhidmatan Audit di seluruh Malaysia dengan cekap dan berhemah dalam mencapai matlamat Jabatan Audit Negara sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan sektor awam. Jaluran Putih pula melambangkan keikhlasan dan ketelusan warga Audit dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan penerapan nilai akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam. Manakala keseluruhan bintang yang bersinar mewakili kesemua warga Audit yang sentiasa berusaha secara profesional dalam mempertingkatkan tadbir urus sektor awam bersesuaian dengan objektif Jabatan untuk menjadi Jabatan Contoh.

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

2

PERNYATAAN KORPORAT

Maklumat Korporat

4

Pengurusan Tertinggi

10

Carta Organisasi

12

Mantan Ketua Audit Negara

14

Lagu Korporat

15

SELYANG PANDANG

16

PROGRAM PENGURUSAN

19

PROGRAM PENGAUDITAN

43

HUBUNGAN ANTARABANGSA

73

AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN

83

AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

101



Perutusan Ketua Audit Negara

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.

Tahun 2009 menyaksikan peralihan kepimpinan Kerajaan dengan pelantikan YAB Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak sebagai Perdana Menteri. Beliau telah memelopori beberapa pendekatan baru yang melibatkan perkhidmatan awam bersesuaian dengan gagasan "1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Umpamanya memperkenalkan Program Transformasi Kerajaan yang berteraskan *National Key Results Area* (N-KRA) *Ministerial Key Results Area* (M-KRA) dan *Key Performance Indicator* (KPI) yang memberi fokus kepada pencapaian perkhidmatan awam dan isu-isu awam yang dianggap amat penting oleh rakyat sendiri. Ini memerlukan perkhidmatan awam meningkatkan inovasi dan lebih kreatif. Selain itu, model ekonomi baru yang lebih menjurus kepada *high-income economy* akan diperkenalkan bagi mengeluarkan negara daripada terus terperangkap dalam *middle-income economy*. Yang tidak kurang pentingnya ialah penegasan terhadap prinsip *value for money* dalam perbelanjaan wang awam.

Sejajar dengan pendekatan baru ini, Jabatan Audit Negara (JAN) dalam tahun 2009 telah juga menekankan usaha-usaha bagi memantapkan pencapaian Jabatan sebagai Jabatan Contoh dan memperkasakan profesion Juruaudit Sektor Awam, sama ada yang bertugas dengan JAN mahupun yang bertugas di Audit Dalam di Jabatan dan Agensi Kerajaan. Di antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

- ☞ Mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008 bagi Pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan bagi penarafan Indeks Akauntabiliti;
- ☞ Memperkasakan modal insan JAN dengan mengisi



sejumlah 500 jawatan tambahan yang diwujudkan dibawah program penstrukturan Jabatan ke arah memperhebatkan Pengauditan Pengurusan Kewangan dibawah sistem Indeks Akauntabiliti dan memperbanyakkan Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Syarikat-syarikat Kerajaan;

- ☞ Mempertingkatkan kapasiti modal insan Jabatan menerusi program latihan yang berterusan;
- ☞ Menyumbang dalam usaha Kerajaan memperkasakan Audit Dalam di pelbagai Agensi Kerajaan berikutan dasar mengkadarkan jawatan dan menstruktur semula Audit Dalam.
- ☞ Mengembangkan dasar pengantarabangsaan JAN dengan menganjurkan kursus-kursus pengauditan bagi Juruaudit luar negara di bawah *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) dan memberikan perkhidmatan kepakaran menerusi kerjasama dengan negara-negara lain termasuk Indonesia, Emiriah Arab Bersatu, Mongolia dan Cambodia.

Selain itu JAN telah menganggotai beberapa Jawatankuasa penting Kerajaan seperti Pasukan Petugas Khas Mengenai *Port Klang Free Zone (PKFZ)* dan Pasukan Petugas Khas Mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang membincangkan tindakan disiplin yang boleh diambil terhadap Penjawat Awam kerana kecuaiannya dalam pekerjaan.

Jabatan juga sentiasa berusaha untuk menerokai pembaharuan dalam bidang pengauditan. *Auditing Coverage* telah diperluaskan lagi dengan pelancaran empat Garis Panduan Pengauditan Air iaitu Air Tidak Berhasil (NRW), Agihan Bekalan Air, Perkhidmatan Pelanggan Bekalan Air dan Pengurusan Projek Air bersempena Simposium Pengurusan dan Pengauditan Industri Air tahun 2009. Simposium yang julung kali diadakan ini merupakan suatu platform yang telah mewujudkan *mutual understanding* antara Jabatan dengan Entiti Bekalan Air, yang juga merupakan *significant milestone* kepada Jabatan sendiri khususnya berkaitan bidang Pengauditan Air. Secara tidak langsung juga ianya telah berjaya memacu Jabatan ke arah pembentukan *human capital* yang lebih mantap.

Pengemblengan usaha ke arah pemantapan modal insan terus dijana melalui Persidangan Juruaudit Sektor Awam tahun 2009 yang bertemakan "Pengukuhan Kompetensi Ke Arah Pengauditan Berkualiti". Persidangan yang pertama kali diadakan ini adalah bertujuan untuk mendedahkan Juruaudit Sektor Awam kepada teknik dan pendekatan pengauditan

terkini selaras dengan perkembangan semasa bidang pengauditan.

Dari aspek hubungan luar pula, Jabatan telah menjalin hubungan kerjasama bilateral dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia dalam bidang Pengauditan Pengurusan Hutan, Cukai dan Latihan. Pembentukan jalinan ini telah memberi peluang kepada kedua negara bertukar pengetahuan, pengalaman dan pengajaran dalam bidang pengauditan, latihan dan penyelidikan bagi mencipta sinergi dan faedah yang berterusan dalam jangka panjang. Selain itu, Jabatan juga telah menyertai pelbagai program seperti Seminar ASOSAI di China, Simposium dan Mesyuarat INTOSAI di Qatar dan Austria, MTCP serta menerima lawatan dan kunjungan hormat delegasi dari luar negara.

Dengan segala perancangan dan aktiviti yang telah dilaksanakan ini, saya berkeyakinan bahawa JAN akan terus berkembang seiring dengan kemajuan serta pembaharuan dalam bidang Pengauditan dan Perkhidmatan Awam. Keyakinan ini berlandaskan kepada strategi dan perancangan rapi Jabatan dengan mewujudkan infrastruktur dan infostruktur yang baik serta modal insan yang mantap.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua warga Jabatan yang telah menyumbang idea, tenaga dan memberikan komitmen secara berterusan bagi mencapai kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan Jabatan yang sentiasa memberi kepercayaan dan sokongan dalam meningkatkan integriti dan akauntabiliti sektor awam.

Selamat Maju Jaya,



TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG
Ketua Audit Negara
Malaysia

Pernyataan Korporat

PELANTIKAN KETUA AUDIT NEGARA

- Ketua Audit Negara dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja mengikut Artikel 105 Perlembagaan Persekutuan. Seseorang yang telah memegang jawatan Ketua Audit Negara boleh dilantik semula tetapi tidak boleh dilantik bagi apa-apa jawatan lain dalam perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan sesebuah Negeri. Ketua Audit Negara boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan tetapi tidak boleh dilucutkan jawatannya kecuali atas asas dan kaedah yang sama bagi melucutkan jawatan seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan.

MANDAT AUDIT

- Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menggariskan tanggungjawab Ketua Audit Negara untuk mengaudit Akaun Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Awam Lain dan Badan-Badan yang ditentukan dengan perintah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Mandat bagi pengauditan Syarikat Kerajaan/Anak Syarikat Kerajaan juga diterima melalui Perintah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di Parlimen. Manakala Laporan Ketua Audit Negara bagi Kerajaan Negeri dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/Sultan/Raja/Yang di-Pertuan Besar/Yang di-Pertua Negeri untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

- Ketua Audit Negara berkuasa penuh untuk mendapatkan segala maklumat dan keterangan serta penjelasan dalam menjalankan kewajibannya. Beliau berhak memeriksa semua dokumen dan boleh meminta individu tertentu memberi keterangan secara bersumpah serta memberi kuasa kepada mana-mana individu menjalankan penyiasatan dan pemeriksaan bagi pihak beliau. Di samping itu, Ketua Audit Negara juga boleh mendapatkan khidmat nasihat perundangan bagi menjalankan tugasnya. Segala keterangan dan maklumat yang didapati oleh Ketua Audit Negara berkaitan dengan kewajibannya adalah rahsia.

VISI

Untuk Menjadi Penyumbang Utama Ke Arah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Dan Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam Menjelang Tahun 2020.

MISI

Melaksanakan Pengauditan Secara Profesional Dan Bebas Serta Mengemukakan Laporan Seimbang Kepada Parlimen Dan Badan Perundangan Negeri Ke Arah Meningkatkan Tadbir Urus Sektor Awam.

OBJEKTIF

- ▶ Menjadikan Laporan Audit yang berkualiti dan *timely* untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- ▶ Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan laporan secara bebas dan seimbang.
- ▶ Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan auditi.
- ▶ Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- ▶ Menjadi Jabatan contoh.

PIAGAM PELANGGAN

- ▶ Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa.
- ▶ Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- ▶ Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

OBJEKTIF KUALITI

- ▶ Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- ▶ Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan.
- ▶ Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

DASAR KUALITI

- ▶ Jabatan Audit Negara adalah komited kepada pengauditan dan pelaporan yang berkualiti dan profesional selaras dengan Standard Pengauditan Antarabangsa.
- ▶ Jabatan Audit Negara adalah komited untuk membuat penambahbaikan yang berterusan terhadap Sistem Pengurusan Kualiti dan menilai semula semua Objektif Kualiti yang ditetapkan bagi memastikan ianya sentiasa memenuhi kehendak pelanggan.

Slogan Kualiti

"Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti"

BUDAYA KORPORAT

☞ **Integriti**

Mematuhi kod etika profesional dalam melaksana dan melaporkan penemuan Audit.

☞ ***Esprit de Corps***

Menekankan kepentingan kerja berpasukan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang produktif yang menekankan kepada semangat *esprit de corps* dan berinovasi.

☞ **Bertanggungjawab**

Bertanggungjawab di dalam semua tindakan sama ada sebagai Juruaudit atau kakitangan Jabatan.

☞ **Profesionalisme**

Memastikan tahap profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan Audit dengan memberi penekanan kepada disiplin kakitangan dan kualiti kerja.

☞ **Kebebasan**

Melaksanakan tugas tanpa kekangan supaya dapat melapor dan memberi pendapat dengan bebas selaras dengan keperluan Akta Audit 1957.

☞ **Kualiti**

Memastikan kualiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas dengan menekankan kepada budaya kerja yang baik dan pembangunan profesional yang berterusan.

PERANCANGAN STRATEGIK 2008-2010

- ↻ Perancangan Strategik Jabatan Audit Negara bagi tahun 2008 hingga 2010 merupakan usaha Jabatan bagi merangka strategi atau matlamat dan membuat keputusan berkenaan pengagihan sumber untuk membantu Jabatan menghadapi isu dan cabaran masa kini dan akan datang. Perancangan ini disediakan dengan mengambil kira keperluan untuk menyesuaikan peranan Jabatan selaras dengan perkembangan semasa.
- ↻ Matlamat utama perancangan strategik ini adalah untuk memupuk dan memantapkan prinsip - prinsip akauntabiliti dan integriti dalam perkhidmatan awam, mengeluarkan Laporan Audit yang berkualiti dan memperkasa Jabatan ke arah organisasi yang cemerlang bersesuaian dengan peranan Jabatan untuk memastikan kemantapan akauntabiliti awam serta membantu Kerajaan melaksanakan dasar dengan berhemah, cekap dan berkesan.

TERAS 1 : Penguksuhan Organisasi Melalui Latihan

- ▶ Membangunkan sumber manusia bagi memperkasa modal insan
- ▶ Komitmen terhadap budaya pembelajaran berterusan
- ▶ Memantapkan institusi latihan
- ▶ Berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan Institusi Audit Negara Luar

TERAS 2 : Pengauditan Yang Berkualiti, Cekap, Berkesan Dan Berhemah

- ▶ Pengauditan berkualiti melalui pematuhan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa
- ▶ Memantapkan sistem dan prosedur pengauditan
- ▶ Menceburi bidang pengauditan baru bersesuaian dengan perkembangan semasa
- ▶ Penggunaan teknik dan metodologi pengauditan terkini

TERAS 3 : Laporan Ketua Audit Negara Yang Berkualiti

- ▶ Meningkatkan kualiti laporan secara berterusan
- ▶ Impak positif untuk meningkatkan kecemerlangan pengurusan dan akauntabiliti sektor awam

LOGO JABATAN AUDIT NEGARA




KETERANGAN LOGO

Lambang Persekutuan	Melambangkan punca kuasa dan kebebasan yang diperuntukkan kepada Ketua Audit Negara bagi mengaudit akaun Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan serta aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
Dua Tangkai Padi	Melambangkan usaha dan kegigihan warga Audit untuk meningkatkan produktiviti Jabatan secara berterusan serta pelaporan seimbang yang diamalkan oleh Jabatan Audit Negara
Bentuk Bulat	Melambangkan keteguhan dan keutuhan semangat kerja berpasukan di kalangan warga Audit sebagai penyumbang utama ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan dan akauntabiliti sektor awam dalam menghadapi era globalisasi
Warna Maroon	Melambangkan imej korporat dan identiti Jabatan Audit Negara
Warna Kuning	Melambangkan kedaulatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang melantik Ketua Audit Negara atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja
Warna Putih	Melambangkan keikhlasan dan ketelusan Jabatan dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan wujudnya akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan sektor awam

KOD ETIKA JURUAUDIT

Kod Etika dikeluarkan untuk menjadi panduan kepada semua anggota Audit selaras dengan hasrat bagi mempertingkatkan prestasi dan profesionalisme Jabatan bersesuaian dengan fungsi Jabatan untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan wang awam.





Pengurusan Tertinggi



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Bin Buang
Ketua Audit Negara



Y. Bhg. Dato' Azizah Hj. Arshad
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)



Y. Bhg. Dato' Haji Anwari Bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri)



Encik Boon Jon Lin
Pegawai Sektor Audit
Badan Berkanun
Persekutuan



Y. Bhg. Dato' Mustafa Bin Haji Saman
Pegawai Sektor Audit
Kerajaan Persekutuan (Sosial & Keselamatan)



Puan Ong Swee Leng
Pegawai Sektor Audit
Kerajaan Negeri



Tuan Haji Aziz Bin Mohd Akil
Pegawai Sektor Pengurusan




Puan Lau Tze Ngik
Pegawai Sektor Audit
Kerajaan Persekutuan
(Kewangan)




Tuan Haji Mohamed Nor Bin Hassan
Pegawai Sektor Audit Khas
Dan Penyelidikan

KETUA AUDIT NEGARA





Jabatan Audit Negara



 PROGRAM PENGURUSAN

 PROGRAM PENGAUDITAN

Mantan Ketua Audit Negara

Auditor General of the Federated Malay States / States of the Straits Settlement

1906 - 1911 W.J.P Hume

1911 - 1919 F.W Talbot

1919 - 1931 G.P Bradney

Auditor General of the Colonial Administration

1932 - 1936 G.P Bradney

1936 - 1946 L.G Corney

Auditor Malayan Union

1946 - 1947 R. McDonald

Director of Audit, Malaya

1948 - 1951 R. McDonald

1951 - 1954 C.W.S Seed



H.M. Watson
(1954 - 1960)



D.G. Bompas
(1960 - 1966)



S. Kandiah
(1966 - 1969)



Haji Mohd Zain bin Ahmad
(1969 - 1975)



**Tan Sri Ahmad Noordin
bin Haji Zakaria**
(1975 - 1986)



**Tan Sri Dato' Ishak
bin Tadin**
(1986 - 1994)



**Datuk Haji Mohd. Khalil
bin Dato' Haji Mohd Noor**
(1994 - 2000)



**Tan Sri Dr. Hadenan
bin A. Jalil**
(2000 - 2006)

Lagu Korporat Jabatan

Warga Jabatan Audit Negara
Menjunjung mandat yang mulia
Menjulung martabat bangsa dalam semangat waja
Malaysiaku yang tercinta

Berkhidmat dengan seikhlas hati
Tegur menegur menasihati
Saling hormat menghormati
Pada semua Auditi
Itulah janji kami

Auditan kami yang berkualiti
Itulah amalan kami
Bersama kami sedia berbakti
Dengan akhlak minda terpuji

Kami warga Audit Negara
Cekap dan mesra
Auditan berkualiti pasti meningkat akauntabiliti

Selayang Pandang

- Sejumlah 1,909 (90.86%) jawatan pelbagai kumpulan telah diisikan daripada sejumlah 2,101 jawatan keseluruhan yang diluluskan.
- Akademi Audit Negara telah berjaya menganjurkan sejumlah 105 kursus yang merangkumi 4 bidang utama yang telah melibatkan seramai 3,523 orang peserta.
- Jabatan Audit Negara telah membelanjakan sejumlah RM135.99 juta daripada sejumlah RM150.83 juta peruntukan Mengurus dan membelanjakan sejumlah RM16.88 juta daripada sejumlah RM22.01 juta peruntukan Pembangunan.
- Pembinaan Pejabat Audit bagi Cawangan Audit Negeri Perak telah disiapkan manakala bagi Pahang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Kelantan sedang giat dilaksanakan.
- Sebanyak 555 aktiviti perolehan yang bernilai RM13.09 juta telah dilakukan melalui kaedah Pembelian Terus, Sebut Harga dan Rundingan Terus.
- Sebanyak 796 unit pelbagai peralatan ICT yang melibatkan perolehan bernilai RM2.88 juta telah diperolehi.
- Membangun dan menaiktaraf aplikasi IT :
 - Portal Jabatan Audit Negara
 - Sistem Pengurusan Pengauditan (e-SPP)
 - Electronic Audit Rating System (e-ARAS)
- Jabatan telah mengadakan sebanyak 10 kali program Ceramah Eksekutif.
- Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja peringkat Jabatan telah diadakan pada bulan Disember 2009 yang melibatkan sebanyak 10 kumpulan inovasi dengan seramai 96 keahlian dari pelbagai Sektor.
- Jabatan telah dilantik sebagai penyelaras Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi Jabatan/ Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan telah berjaya memperolehi pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi Pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) pada 8 September 2009.
- Sejumlah 5 Garis Panduan Pengauditan telah dilancarkan yang meliputi :
 - Garis Panduan Pengauditan Air
 - Air Tidak Berhasil (NRW)
 - Agihan Bekalan Air
 - Pengurusan Projek Kerja Bekalan Air
 - Perkhidmatan Pelanggan Bekalan Air
 - Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan
- Pelaksanaan Pengauditan :
 - Sijil Bersih terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan telah dikeluarkan pada 29 Mei 2009.
 - Sebanyak 268 Penyata Kewangan tahun 2008 bagi Kerajaan Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan telah disahkan dan dikeluarkan Sijil Bersih.
 - Sebanyak 130 Penyata Kewangan tahun 2008 bagi Badan Berkanun Persekutuan telah disahkan dan dikeluarkan Sijil Audit.
 - Pengauditan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti telah dilaksanakan terhadap :
 - 25 Kementerian
 - 43 Jabatan Persekutuan
 - 276 Pejabat Kewangan/ Jabatan/ Agensi Negeri
 - 37 Badan Berkanun Persekutuan
 - Pengauditan Prestasi telah dilaksanakan terhadap 198 aktiviti Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Agensi di seluruh negara.
 - Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 44 syarikat Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun Persekutuan yang didaftarkan dibawah Akta Syarikat 1965.
 - Pengauditan Khas telah dilaksanakan terhadap 11 aktiviti atas permintaan Agensi Pusat/ Stakeholder. Manakala Bahagian Kajian Khas melaksanakan 9 kajian khas dan 5 lagi kajian khas oleh Bahagian Audit ICT.

- ❏ Pengauditan Air telah dibuat berdasarkan dua kategori iaitu pengauditan teknikal bekalan air dan pengauditan air pengairan dan saliran.
 - ❏ Penampilan Audit/Pemeriksaan Mengejut telah dilaksanakan di 409 Jabatan/Pejabat Kerajaan.
 - ❏ Sebanyak 85 Akaun Panjar Luar Negeri, Akaun UNDP/ UNFPA Dan Akaun Pinjaman telah diaudit.
 - ❏ Sebanyak 63 Penilaian Khas telah dilakukan terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/ Jabatan/Agensi bagi tujuan pengesahan jawatan.
- ❏ Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 yang telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2009 adalah:
- ❖ Penyata Akaun Awam, Aktiviti Kementerian/ Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.
 - ❖ Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan.
 - ❖ Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Jabatan/ Kerajaan Negeri.
- Manakala sehingga Disember 2009, sejumlah 10 daripada 13 Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Jabatan/ Kerajaan Negeri telah dibentangkan di DUN masing-masing.
- ❏ Sejumlah 11 Jabatan/ Agensi Kerajaan telah menyertai Program Anak Angkat anjuran Jabatan khususnya bagi meningkatkan kualiti pengurusan kewangan.
- ❏ Jalinan Antarabangsa :
- ❖ Mesyuarat Ke-12 INTOSAI Working Group On Environmental Auditing dan Mesyuarat ke-18 INTOSAI.
 - ❖ Working Group on IT Audit di Doha, Qatar.
 - ❖ Simposium Ke-20 UN/INTOSAI di Vienna.
 - ❖ Bengkel Course Design and Development on e-Enabled Blended Training Programme for Trainers anjuran IDI-ASOSAI di Beijing, China.
 - ❖ Mesyuarat Ke-3 INTOSAI Working Group on Fight Against International Money Laundering and Corruption (WG on FAIMLAC) di Jakarta, Indonesia.
 - ❖ Mesyuarat Ke-8 Steering Committee of INTOSAI WGEA di Bali, Indonesia.
 - ❖ Seminar ASOSAI on Social Security Audit anjuran National Audit Office of the People's Republic of China (CNAO) di Beijing, China.
- ❖ Simposium Ke-4, Mesyuarat Ke-40 ASOSAI Governing Board dan Mesyuarat Jawatankuasa Latihan ASOSAI Sempena Perhimpunan ASOSAI 11 di Islamabad, Pakistan.
 - ❖ Mesyuarat Teknikal Ke-4 Pelaksanaan MOU antara Jabatan Audit Negara Malaysia dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia.
 - ❖ Mesyuarat Teknikal Pertama bagi Paralel Audit Pengurusan Paya Bakau antara Jabatan Audit Negara Malaysia dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia.
 - ❖ Lawatan Kerja Ketua Audit Negara ke Institusi Audit Emiriah Arab Bersatu.
 - ❖ Lawatan dan kunjungan hormat delegasi dari Vietnam, Indonesia, Bhutan, Jordan, China, Cambodia, Jepun, Afghanistan, Swaziland dan Brunei kepada Ketua Audit Negara.
- ❏ Aktiviti-aktiviti lain Jabatan :
- ❖ Ketua Audit Negara telah merasmikan pejabat baru Cawangan Audit Negeri Perak pada 20 Ogos 2009 dan Pejabat Audit Cawangan Bintulu pada 9 Januari 2009.
 - ❖ Bengkel Penyediaan Key Result Area, Outcome dan Strategi RMK-10 Jabatan Audit Negara telah diadakan pada Oktober 2009.
 - ❖ Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2009 telah diadakan di Shah Alam, Selangor pada 21 Julai 2009.
 - ❖ Sambutan Hari Audit Se-Malaysia Tahun 2009 telah diadakan pada 4 Oktober 2009 di Kuala Terengganu.
 - ❖ Simposium Pengurusan dan Pengauditan Industri Air Tahun 2009 telah berlangsung pada 2 November 2009 di Shah Alam.
 - ❖ Seramai 27 orang warga Audit telah menyertai Perhimpunan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan pada 2 Mei 2009 di Stadium Putra, Bukit Jalil.
 - ❖ Jabatan telah menyertai Perarakan dan Perhimpunan Maulidur Rasul S.A.W Peringkat Kebangsaan pada 9 Mac 2009 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dengan kontinjen seramai 44 orang anggota.

JABATAN AUDIT NEGARA



PROGRAM PENGURUSAN

Melalui penstrukturan semula, struktur Jabatan ini telah diubah kepada dua program iaitu Program Pengurusan dan Program Pengauditan. Di bawah Program Pengurusan, aktiviti yang dilaksanakan merangkumi pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pembangunan dan pentadbiran pejabat, pengurusan teknikal, pengurusan teknologi maklumat dan pengurusan korporat. Fungsi Pengurusan merupakan fungsi sokongan kepada fungsi utama Jabatan iaitu Pengauditan. Fungsi-fungsi lain Pengurusan adalah :

- ñ Pembangunan sumber manusia yang meliputi aspek latihan dan pembangunan kerjaya termasuklah melaksanakan kursus-kursus generik dan fungsian bagi pegawai gunasama Jabatan yang dilaksanakan di luar Akademi Audit Negara secara *outsourcing*.
- ñ Pengurusan hal ehwal berkaitan dengan perkhidmatan pegawai-pegawai Jabatan yang meliputi aspek pengesahan dalam jawatan, pemangkuan dan kenaikan pangkat, penempatan, pertukaran, saraan dan elaun serta faedah-faedah perkhidmatan, cuti, penilaian prestasi, kaunseling, tatatertib dan persaraan. Rekod perkhidmatan pegawai diurus, dikemas kini dan dimuat naik ke dalam HRMIS.
- ñ Pengurusan Kewangan melibatkan aktiviti pengurusan kewangan yang merangkumi aspek penyediaan belanjawan, pembayaran bil, pembayaran gaji dan elaun, perolehan dan pengurusan aset.
- ñ Unit Pembangunan berfungsi untuk merancang, mengurus dan menyelaras projek-projek pembinaan Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara dan pejabat Cawangan

Audit di Negeri-negeri, penyewaan dan ubahsuai ruang pejabat Jabatan Audit Negara serta cawangannya.

- ñ Pengurusan pejabat merangkumi kerja-kerja *housekeeping*, kawalan keselamatan pejabat, pengurusan kenderaan Jabatan dan susun atur pejabat.
- ñ Pengurusan teknikal berfungsi melaksanakan pengauditan prestasi projek yang berkaitan dengan aspek teknikal bagi menyokong laporan pengauditan.

Bahagian Hal Ehwal Korporat bertindak sebagai urus setia Mesyuarat Pengurusan Jabatan, ISO, Ceramah Eksekutif dan KMK peringkat Jabatan. Bahagian ini juga adalah penyelaras dalam penerbitan Buletin Audit dan Jurnal Audit, Laporan Aktiviti, urusan Parlimen, Aduan Pelanggan, Manual Prosedur Kerja Jabatan dan kaunter Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

MESYUARAT UTAMA JABATAN

Jabatan Audit Negara telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan mengikut jadual yang dirancang dan Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa tertentu secara berkala sebagaimana yang ditetapkan. Ini adalah untuk memastikan semua Perancangan Tahunan Jabatan dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan serta untuk memantapkan lagi pengurusan Jabatan.

MESYUARAT UTAMA JABATAN

BIL.	MESYUARAT	KEKERAPAN
1	Mesyuarat Pengurusan	20
2	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun	4
3	Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan	4
4	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan	4
5	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan	4
6	Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan	4
7	Mesyuarat Jawatankuasa Audit	2

MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN

Mesyuarat diadakan bagi memastikan pegawai-pegawai kanan Jabatan sentiasa mengetahui perkembangan semasa yang berlaku dalam pentadbiran Kerajaan dan melaksanakan tugas dengan lebih cekap dan efisien untuk mencapai dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Untuk tujuan tersebut Ketua Audit Negara telah menetapkan mesyuarat diadakan dengan kekerapan dua kali sebulan. Mesyuarat juga diadakan dengan menggunakan kemudahan sidang video [*video conferencing*] sebagai langkah menjimatkan perbelanjaan di samping membolehkan Pengarah Cawangan Audit Negeri menyertai perbincangan supaya keputusan dapat dicapai dan dilaksanakan dengan segera. Pekeliling Perkhidmatan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991 - Panduan Pengurusan Mesyuarat dan Urusan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerajaan adalah terpakai dalam penyediaan urusan mesyuarat peringkat Jabatan. Kekerapan mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut:

MESYUARAT PENGURUSAN JABATAN AUDIT NEGARA

BULAN	MESYUARAT	TARIKH
Januari	Bil 1/2009	15.1.2009
	Bil 2/2009	29.1.2009
Februari	Bil 3/2009	19.2.2009
Mac	Bil 4/2009	12.3.2009
	Bil 5/2009	26.3.2009
April	Bil 6/2009	9.4.2009
	Bil 7/2009	23.4.2009
Mei	Bil 8/2009	14.5.2009
	Bil 9/2009	28.5.2009
Jun	Bil 10/2009	11.6.2009
	Bil 11/2009	22.6.2009
Julai	Bil 12/2009	13.7.2009
	Bil 13/2009	29.7.2009
Ogos	Bil 14/2009	12.8.2009
	Bil 15/2009	27.8.2009
September	Bil 16/2009	10.9.2009
	Bil 17/2009	30.9.2009
Oktober	Bil 18/2009	21.10.2009
November	Bil 19/2009	22.11.2009
Disember	Bil 20/2009	22.12.2009


SUMBER MANUSIA

Kedudukan Perjawatan Dan Personel

Perjawatan yang diluluskan bagi Jabatan Audit Negara pada tahun 2008 telah meningkat kepada 2,101 jawatan dan daripada jumlah tersebut sejumlah 1,909 jawatan telah diisi sehingga tahun 2009. Perinciannya adalah seperti di jadual berikut:

KEDUDUKAN PERJAWATAN MENGIKUT
KUMPULAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2008 DAN 2009

KUMPULAN PERKHIDMATAN	2008			2009		
	LULUS	ISI	%	LULUS	ISI	%
JUSA	12	12	100	12	12	100
Pengurusan dan Profesional	418	383	91.6	418	384	91.9
Sokongan	1,671	1,490	89.2	1,671	1,513	90.5
Jumlah	2,101	1,885	-	2,101	1,909	-



Aktiviti Pengurusan Sumber Manusia

Aktiviti Pengurusan Sumber Manusia Jabatan Audit Negara adalah meliputi urusan pelantikan semua kumpulan pegawai dan kakitangan, penempatan, pertukaran, lawatan keluar Negara, pengesahan pelantikan dan perjawatan, penyediaan KEW-8 dan elaun pakaian panas serta elaun pakaian istiadat. Pecahan aktiviti-aktiviti pengurusan tersebut adalah seperti di jadual berikut :


AKTIVITI PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL	PERKARA	BILANGAN PEGAWAI / AKTIVITI
1	URUSAN PELANTIKAN	
	Juruaudit Gred W41	344
	Pen. Juruaudit Gred W27	169
	Pembantu Juruaudit Gred W17	1
	Pekerja Khidmat Singkat	7
2	PENEMPATAN PEGAWAI GUNASAMA	94
3	PENEMPATAN JAWATAN KUMPULAN	25
4	URUSAN PERTUKARAN	220
5	URUSAN LAWATAN LUAR NEGARA	
	Rasmi	45
	Persendirian	133
	Kelulusan Elaun Pakaian Panas	30
6	PENGESAHAN PELANTIKAN	280
7	PENGESAHAN JAWATAN	122
8	PENYEDIAAN KEWANGAN - 8	1,447 kali
9	ELAUN PAKAIAN ISTIADAT	30

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan cemerlang. Pada Tahun 2009, Panel Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Audit Negara telah memutuskan seramai 98 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Audit Negara akan diberikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi prestasi perkhidmatan tahun 2008. Pecahan penerima APC berdasarkan gred perjawatan adalah seperti di carta berikut :

BILANGAN PEGAWAI YANG MENERIMA APC 2009



Aktiviti Pengurusan Prestasi

Pengurusan Prestasi diwujudkan bagi menguruskan pembangunan kerjaya pegawai-pegawai di Jabatan Audit Negara seperti urusan kenaikan pangkat dan pemangkuan, penangguhan kerja, pelantikan secara pinjaman atau pertukaran sementara, Laporan Nilai Prestasi Tahunan, tatatertib, pengisytiharan harta serta penganugerahan pingat atau bintang. Pencapaian aktiviti Pengurusan Prestasi pada tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut:

PENCAPAIAN AKTIVITI PENGURUSAN PRESTASI

BIL	AKTIVITI	BILANGAN PEGAWAI / AKTIVITI
A	KENAIKAN PANGKAT (BUKAN GUNASAMA)	
	JUSA C	7
	Gred W54	11
	Gred W52	40
	Gred W48	27
	Gred W44	93
	Gred W36	61
	Gred W32	142
	Gred W26	6
	Gred W22	2
B	KENAIKAN PANGKAT (GUNASAMA)	
	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	3
	Kumpulan Sokongan I Dan II	5
	Kenaikan Pangkat Kumpulan Sokongan (KUP)	71
C	PEMANGKUAN (BUKAN GUNASAMA)	
	Gred Utama JUSA C	-
	Gred W54	1
	Gred W52	1
	Gred W48	15
	Gred W44	39
	Gred W36	17
	Gred W32	75
	Gred W26	3
	Gred W22	8
	Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	7
	Kumpulan Sokongan	10
D	PERAKUAN TANGGUNG KERJA	
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	41
	Kumpulan Sokongan	261
E	PERAKUAN PELANTIKAN SECARA PINJAMAN	
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional	28
F	MESYUARAT PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	
	Keputusan Anjakan Gaji Tahun 2009	44
	Keputusan Pergerakan Gaji Secara Biasa Tahun 2009	1493
	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2008	97
G	LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUN 2009	
	Menyemak dan memproses Laporan Penilaian Prestasi (LNPT)	1,491
	Merekodkan markah	1,491
	Menyimpan LNPT ke dalam Fail Dosia	2,009
H	MESYUARAT LEMBAGA TINDAKAN TATATERTIB	
	Hukuman Amaran dan Lucut Hak Gaji Dan Emolumen Selama 1 hari	1
	Hukuman Buang Kerja	1
I	PENCALONAN PINGAT/ ANUGERAH PERINGKAT PERSEKUTUAN/ NEGERI	28
J	PENGISYTIHARAN HARTA	772
K	MESYUARAT JAWATANKUASA KEUTUHAN PENGURUSAN	4 kali setahun
L	PENEMPATAN PEMANGKUAN	438

Kompetensi

Jenis dan bilangan peperiksaan yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 adalah seperti berikut :

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN TAHUN 2009

BIL	TARIKH	GRED	PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG	PERAKAUNAN	PENGAUDITAN
1/2009	23 hingga 25 Jun 2009	W41	84	80	86
		W27	235	256	250
		W17	-	13	15
2/2009	21 hingga 23 Disember 2009	W41	87	110	95
		W27	169	176	198

PEPERIKSAAN KHAS KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN (KPSL) KE SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG JURUAUDIT GRED W27

BIL	TARIKH	GRED	DAN UNDANG-UNDANG	PERAKAUNAN	PENGAUDITAN
1/2009	23 hingga 25 Jun 2009	W17	6	4	6
		hingga W26			
2/2009	21 hingga 23 Disember 2009	W17 hingga W26	4	2	3

PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) TAHUN 2009

BIL	TARIKH	GRED	BILANGAN CALON	
			KOMPETENSI UMUM / GENERIK	KOMPETENSI KHUSUS / FUNGSIONAL
1/2009	21 dan 22 April 2009	W17 (TK1)	7	8
		W17 (TK2)	8	7
		W22 (TK3)	7	10
		W27 (TK1)	88	104
		W27 (TK2)	4	6
		W32 (TK3)	37	37
		W41 (TK1)	25	26
		W36	7	5
2/2009	18 & 19 Nov 2009	W17	-	3
	18 & 19 Nov 2009	W22	2	2
	26 & 27 Okt 2009	W27 (TK1)	41	50
	26 & 27 Okt 2009	W27 (TK2)	-	3
	19 & 20 Okt 2009	W32	31	27
	12 & 13 Okt 2009	W41	41	48
	4 - 6 Nov 2009	W44	84	84
	4 - 6 Nov 2009	W48	24	24
	11- 13 Nov 2009	W52	30	30
	1 & 2 Sept 2009	W54	11	11
3/2009	24 Dis 2009	W44	1 (Tempoh Peralihan)	


KURSUS

Anjuran Akademi Audit Negara

Jabatan Audit Negara berperanan untuk meningkatkan akauntabiliti sektor awam. Standard pengauditan yang tinggi perlu dikekalkan setiap masa dan Juruaudit perlu menjalani latihan iktisas yang berterusan bagi menjamin kualiti pengauditan yang dilaksanakan. Justeru itu, program latihan yang sistematik dan terancang perlu disusun untuk memenuhi keperluan tugas masa kini dan persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Beberapa kursus seperti pengauditan, teknologi maklumat (IT), perakaunan dan pengurusan telah dianjurkan sepanjang tahun 2009. Maklumat terperinci jumlah kursus dan peserta berdasarkan sekolah adalah seperti di jadual dan carta berikut :

JUMLAH KURSUS BERDASARKAN SEKOLAH

SEKOLAH	JUMLAH KURSUS	%	JUMLAH PESERTA	%
Pengauditan	29	27.6	973	27.6
IT	28	26.7	614	17.4
Perakaunan	19	18.1	856	24.3
Pengurusan	29	27.6	1,080	30.7
	105	100%	3,523	100%



Anjuran Cawangan Pembangunan Modal Insan

Cawangan Pembangunan Modal Insan bertanggungjawab bagi membantu Jabatan Audit Negara mencapai matlamat dasar latihan dalam melaksanakan program pembangunan sumber manusia dan perkembangan kerjaya demi melahirkan modal insan yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten yang dapat memenuhi keperluan strategik jabatan dan negara. Pengurusan dan pembangunan modal insan yang baik dan teratur akan dapat meningkatkan keberkesanan dan kecekapan anggota Perkhidmatan Awam. Bagi tahun 2009, sebanyak 27 kursus telah dijalankan mengikut dasar latihan yang telah dipersetujui oleh Pengurusan Jabatan. Seramai 1,150 peserta terdiri dari pegawai pelbagai gred dan jawatan telah menghadiri kursus yang dijalankan ini. Maklumat terperinci kursus yang telah dijalankan adalah seperti di jadual berikut:

LATIHAN ANJURAN CAWANGAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

BIL	TAJUK KURSUS	JUMLAH PESERTA
1	Sesi Taklimat dan Latihan Aplikasi HRMIS Untuk Pasukan Teras HRMIS	15
2	Sesi Taklimat dan Latihan Aplikasi HRMIS Untuk Sektor / Bahagian Ibu Pejabat	100
3	Sesi Taklimat dan Latihan Aplikasi HRMIS Untuk Pejabat-Pejabat Audit Negeri	50
4	Sesi Taklimat Pengurusan Sumber Manusia dan Perkhidmatan	50
5	Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan	40
6	Sesi Taklimat dan Latihan Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan Zon Selatan	40
7	Program Kecemerlangan Kesetiausahaan	40
8	Kursus Pengukuhan Pasukan Zon Selatan	45
9	Kursus Kemahiran Pembelajaran Untuk Kecemerlangan Diri dan Organisasi	40
10	Sesi Taklimat dan Kajian Semula Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2009	45
11	Kursus Kecemerlangan Pemandu Siri I	30
12	Bengkel e-Perolehan Siri 1	30
13	Bengkel e-Perolehan Siri 2	30
14	Sesi Taklimat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	60
15	Kursus Kecemerlangan Pemandu Siri 2	30
16	Kursus Kecemerlangan Pemandu Siri 3	30
17	Kursus Pengukuhan Pasukan Zon Timur	45
18	Bengkel Sistem Pengurusan Aset	60
19	Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti 5S	38
20	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan Siri 1	40
21	Kursus Pengurusan Fail dan Rekod Kerajaan Siri 2	40
22	Bengkel Latihan Pengurusan Tatatertib	36
23	Kursus Pengukuhan Pasukan Zon Utara	48
24	Bengkel Latihan Pengurusan Kewangan Siri 1	40
25	Kursus Profesionalisme dan Paradigma Minda	50
26	Kursus Kesihatan, Kecergasan dan Ketrampilan Diri	42
27	Bengkel Latihan Pengurusan Kewangan Siri 2	36

PRESTASI PERBELANJAAN


Mengurus

Pada tahun 2009, peruntukan Perbelanjaan Mengurus Jabatan Audit Negara berjumlah RM150.8 juta iaitu peningkatan sebanyak RM36.7 juta atau 24% dari tahun 2008. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM135.9 juta atau 90.2% telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti di jadual dan carta berikut :

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2008 & 2009

PERKARA	2008			2009		
	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	%
Emolumen	64,423,740	64,127,506	99.5	84,091,700	75,354,956	89.4
Perkhidmatan dan Bekalan	46,993,860	45,271,794	96.3	53,534,000	48,682,537	90.9
Aset	2,579,400	2,312,439	89.6	13,100,00	11,863,985	90.6
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	55,000	51,074	92.9	80,000	73,779	92.0
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	25,000	22,927	91.71	20,000	15,459	77.3
Jumlah	114,077,000	111,785,740	97.99	150,825,700	135,990,715	90.2

CARTA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI PERUNTUKAN MENGURUS 2008 DAN 2009




Berdasarkan rajah tersebut, secara keseluruhannya terdapat pengurangan peratus perbelanjaan terhadap peruntukan tahun 2009 jika dibandingkan dengan tahun 2008. Pengurangan ini adalah rentetan daripada dasar berjimat cermat Jabatan selaras dengan arahan/peraturan dan garis panduan perbelanjaan berhemat yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Pembangunan

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Audit Negara telah diluluskan Peruntukan Pembangunan berjumlah RM123.1 juta bagi melaksanakan pembinaan tujuh pejabat Cawangan Audit Negeri, projek sambungan Akademi Audit Negara dan Projek Pengkomputeran Jabatan. Sehingga tahun 2009 sejumlah RM45.5 juta telah dibelanjakan. Maklumat terperinci peruntukan dan perbelanjaan Pembangunan tahun 2008 dan 2009 adalah seperti jadual dan carta berikut :

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2008 & 2009

PROJEK	2008			2009		
	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%	PERUNTUKAN (RM)	BELANJA (RM)	%
Pembinaan Pejabat	5,866,850	5,866,849	99.9	20,000,000	15,097,267	75.5
Projek Pengkomputeran	1,786,000	1,379,444	77.2	2,013,370	1,783,080	88.6
Jumlah	7,652,850	7,246,293	94.7	22,013,370	16,880,347	76.7



Pembinaan Pejabat Audit Cawangan Negeri

Pembinaan tujuh pejabat Cawangan Audit Negeri telah diluluskan di bawah RMK-9. Proses perolehan dan pengambilan tanah telah selesai pada tahun 2007. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai agensi pelaksana dan juru perunding arkitek bagi reka bentuk bangunan pejabat Cawangan Audit negeri - negeri berkenaan. Maklumat terperinci status pelaksanaan pembinaan pejabat adalah seperti berikut :

KOS DAN PRESTASI PEMBINAAN PEJABAT CAWANGAN AUDIT NEGERI

CAWANGAN AUDIT NEGERI	KOS PEMBINAAN (RM)	TARIKH SIAP	% KEMAJUAN KERJA SEHINGGA DISEMBER 2009
Perak	8,384,911	12 Julai 2009	100
Selangor	12,438,761	17 Ogos 2010	30
Pahang	13,035,000	23 Mac 2010	23.5
Terengganu (Kerja Tambak)	860,710	9 Ogos 2009	100
Kelantan	13,690,000	17 November 2010	12.4
Negeri Sembilan	12,420,601	30 September 2010	26.5
Melaka	12,338,446	16 September 2010	23

Perak



Pejabat Cawangan Audit Negeri Perak yang telah siap dan diserahkan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perak pada 12 Julai 2009.

Selangor



Pembinaan Pejabat Cawangan Audit Negeri Selangor yang masih dalam peringkat pembinaan

Pahang



Gambar Projek Cawangan Audit Negeri Pahang yang masih dalam pembinaan

Terengganu



Projek Cawangan Audit Negeri Terengganu yang siap ditambak. Projek pembinaan bangunan akan dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Ke-10.

Kelantan



Projek Cawangan Audit Negeri Kelantan yang masih dalam pembinaan
(Kerja-kerja penggalian cerucuk dan penyediaan *pile cap*)

Negeri Sembilan



Projek Cawangan Audit Negeri Sembilan yang masih dalam pembinaan
(Kerja-kerja menaikkan tiang dan *slab konkrit* aras satu)

Melaka



Projek Cawangan Audit Negeri Melaka yang masih dalam pembinaan (Kerja-kerja *slab konkrit* aras tanah)

PEROLEHAN

Perolehan di Jabatan Audit Negara telah diuruskan dengan teratur dan berkesan dengan mematuhi semua peraturan yang berkaitan berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti awam, dibuat secara telus (*transparent*), nilai faedah yang terbaik (*value for money*), saingan terbuka, adil dan saksama serta mematuhi peraturan dan prosedur yang berkuatkuasa. Jabatan Audit Negara juga telah membuat perolehan aset bagi pejabat Cawangan Audit di seluruh Negara termasuk Sabah dan Sarawak. Perolehan Jabatan bagi tahun 2009 telah dilaksanakan secara Pembelian Terus, Sebut Harga, dan Rundingan Terus melalui Sistem e-Perolehan. Dibawah peruntukan mengurus, Jabatan telah membelanjakan sebanyak RM13.09 juta untuk aktiviti perolehan tahun 2009. Maklumat perolehan tersebut adalah seperti di jadual berikut:-

PEROLEHAN TAHUN 2009

JENIS PEROLEHAN	JUMLAH	AMAUN (RM)
Pembelian terus	548	9,102,946
Sebut Harga		
Manual	4	925,928
e-Bidding	2	2,062,386
Rundingan Terus	1	998,800
JUMLAH		13,090,060

Bagi jenis perolehan Sebut Harga, sebanyak 2 perolehan telah dilaksanakan secara e-Bidding iaitu bagi perolehan Kertas *Double A* dan *Toner*. Jabatan Audit Negara merupakan Jabatan pertama diantara Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang membuat perolehan dengan menggunakan kaedah e-Bidding. Berdasarkan kepada pencapaian sebenar dengan anggaran Jabatan, sebanyak 24% wang kerajaan dapat dijimatkan daripada kaedah perolehan tersebut.

PEROLEHAN DAN PEMBANGUNAN ICT

Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meneruskan usaha ke arah menerapkan budaya ICT dikalangan warga Jabatan agar selari dengan kemajuan bidang teknologi maklumat. Antara usaha yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 bagi tujuan meningkatkan literasi dan pembudayaan ICT adalah seperti berikut :

Perolehan Perkakasan ICT

Perolehan perkakasan ICT adalah meliputi komputer peribadi, komputer riba, pencetak, mesin pengimbas, kamera video dan projektor LCD. Pada tahun 2009, Jabatan telah membuat perolehan sebanyak 796 unit pelbagai peralatan ICT yang bernilai RM2,876,194 untuk kegunaan warga Jabatan. Pecahan perolehan peralatan berdasarkan item adalah seperti di jadual berikut :

PEROLEHAN PERKAKASAN ICT

PERKAKASAN/ITEM	JUMLAH	AMAUN (RM)
Komputer Peribadi	457	1,711,956
Pencetak Hitam Putih	60	350,430
Pencetak Warna	70	
Komputer Riba	120	
Projektor LCD	40	680,920
Pengimbas	45	
<i>Mobile Video Studio</i>	1	132,888
Kamera DSLR	1	
Kamera Video	2	
JUMLAH	796	2,876,194

Perolehan Perisian

Perolehan perisian ICT melibatkan perolehan yang berkaitan dengan keselamatan komputer dan perisian untuk tujuan pengauditan. Sepanjang tahun 2009, sejumlah 3 perolehan berjumlah RM880,955 telah dibuat melibatkan perolehan perisian seperti *Audit Command Language (ACL)*, *back-up* pusat data dan perisian anti virus. Maklumat terperinci seperti di jadual berikut :

PEROLEHAN PERISIAN

PERISIAN	AMAUN (RM)
Menaiktaraf, Menyelenggara Dan Mentauliah Perkakasan Dan Perisian <i>Back-up</i> Untuk Pusat Data	196,850
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji Dan Mentauliah 60 Unit Perisian <i>ACL Audit Exchange</i> Beserta Sokongan	498,600
Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji, Mentauliah Dan Menyelenggara <i>Enterprise Antivirus And Content Security Solution</i>	185,505
JUMLAH	880,955

Pembangunan Sistem

Pada tahun 2009, Jabatan telah melakukan beberapa program pembangunan khususnya bidang ICT yang melibatkan portal Jabatan dan Sistem Pengurusan Pengauditan (e-SPP). Pembangunan kedua-dua sistem ini telah melibatkan perbelanjaan sejumlah RM596,550. Pecahan kedudukan perbelanjaan untuk pembangunan tersebut adalah seperti di jadual berikut :

PEMBANGUNAN SISTEM

SISTEM	AMAUN (RM)
Menaiktaraf Sistem Pengurusan Pengauditan (e-SPP)	299,800
Menaiktaraf Portal Jabatan	109,000
Membangunkan Sistem e-ARAS	187,750
JUMLAH	596,550

Bantuan Teknikal ICT

Sepanjang tahun 2009, sebanyak 827 laporan kerosakan teknikal telah diterima dan diselesaikan. Ringkasan laporan berkenaan adalah seperti di jadual berikut :

KEROSAKAN PERALATAN ICT DARI JANUARI - DISEMBER TAHUN 2009

BULAN	BILANGAN KEROSAKAN
Januari	83
Februari	68
Mac	67
April	63
Mei	60
Jun	69
Julai	77
Ogos	66
September	53
Oktober	84
November	61
Disember	76
JUMLAH	827

BAHAGIAN TEKNIKAL

Bahagian Teknikal bertanggungjawab memberi khidmat nasihat teknikal dan terlibat secara langsung dalam proses Pengauditan Prestasi projek-projek pembinaan. Ia juga terlibat membantu Sektor Pengurusan bagi menyelaras dan memantau pelaksanaan projek-projek pembinaan dan pengubahsuaian pejabat Jabatan Audit Negara. Selain daripada kerja-kerja pengauditan, ia juga turut memberi penjelasan dan kefahaman yang berkaitan dengan isu-isu teknikal kepada Juruaudit apabila diperlukan. Pegawai-pegawai teknikal juga terlibat dalam membuat penilaian teknikal secara terperinci ke atas spesifikasi perolehan yang telah ditetapkan dalam dokumen sebut harga. Selain itu, bahagian ini juga terlibat dalam memberi latihan khususnya dari aspek teknikal kepada pegawai-pegawai awam yang meliputi aspek kejuruteraan dan pentadbiran kontrak pembinaan. Aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2009 adalah seperti di jadual berikut :

RINGKASAN AKTIVITI BAHAGIAN TEKNIKAL TAHUN 2009

PERKARA	AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN	AUDIT KERAJAAN NEGERI	AUDIT BADAN BERKANUN	AUDIT KHAS & PENYELIDIKAN	AKADEMI AUDIT NEGARA	AUDIT DALAM	JUMLAH
Pengauditan	44	20	4	2	-	-	70 projek
Khidmat Nasihat Teknikal	12	16	1	5	11	2	37 projek
Memberi Ceramah			Semua Sektor / Bahagian				3 jam
Penilaian Teknikal			Semua Sektor / Bahagian				4 sebut harga

AKTIVITI BERKAITAN PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN

PROJEK	PENCAPAIAN (Kali)	
	MESYUARAT PROJEK	LAWATAN TAPAK
Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara	12	30
Pejabat Cawangan Audit Negeri Perak, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Selangor	109	26
JUMLAH	121	56

CERAMAH EKSEKUTIF

Objektif diadakan adalah untuk mendedahkan pegawai-pegawai dengan topik-topik pengauditan, pengurusan dan perkara-perkara semasa yang memberikan impak terhadap prestasi kerja pegawai-pegawai Jabatan. Di samping memberikan pendedahan kepada pegawai ia juga memperluaskan pengetahuan dan mendalamkan lagi amalan-amalan baik yang boleh dijadikan teladan. Bilangan ceramah yang telah diadakan pada tahun 2009 adalah sebanyak 10 dengan tajuk-tajuk seperti di jadual berikut :

PROGRAM CERAMAH EKSEKUTIF

BIL	TAJUK	TARIKH	JUMLAH KEHADIRAN
1	<i>Global Financial Crisis: Impact On Malaysian Economy</i>	6.3.2009	244
2	Peranan Kaunselor Menangani Gangguan Seksual Di Tempat Kerja	1.4.2009	259
3	Protokol & Etiket Sosial	24.4.2009	248
4	<i>Reform of Public Finance Auditing in Indonesia, 2004-2009*</i>	16.6.2009	242
5	<i>Step Toward Healthy</i>	2.7.2009	292
6	Kewangan Islam dan Kewangan Konvensional: Satu Tinjauan Dalam Perkembangan Ekonomi Negara	30.7.2009	175
7	Perubahan Dalam Standard Perakaunan	21.8.2009	225
8	Influenza A (H1N1) : Kesedaran & Pencegahan	25.8.2009	287
9	16 Sifat Umat Muhammad S.A.W	16.9.2009	197
10	Inovasi	14.12.2009	170

PERHIMPUNAN BULANAN JABATAN PERDANA MENTERI

Sebagai sebuah Jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) pegawai-pegawai Jabatan juga menghadiri perhimpunan bulanan yang diadakan untuk membolehkan para pegawai mendengar amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri. Pada 2009 bilangan perhimpunan dan jumlah kakitangan yang turut serta dalam perhimpunan adalah seperti di jadual berikut :

TARIKH DAN JUMLAH KEHADIRAN PERHIMPUNAN BULANAN

BULAN	TARIKH	KEHADIRAN
Januari	5.1.2009	43
Februari	3.2.2009	43
Mac	2.3.2009	43
April	6.4.2009	43
Mei	4.5.2009	43
Jun	1.6.2009	43
Julai	6.7.2009	46
Ogos	3.8.2009	34
September	7.9.2009	49
Oktober	5.10.2009	33
November	2.11.2009	31
Disember	7.12.2009	batal



ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Pada tahun 2009, Jabatan Perdana Menteri telah memutuskan “Hari Kualiti” digantikan dengan “Hari Inovasi” bertujuan untuk menggalakkan penambahbaikan dan inovasi dalam pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam. Tema Hari Inovasi, JPM adalah “Inovasi Ke Arah Merealisasikan 1Malaysia”. Inovasi yang diperkenalkan haruslah mempunyai impak yang tinggi ke atas kesejahteraan rakyat selaras dengan misi nasional mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian. Sehubungan itu, 7 kategori Anugerah Inovasi telah diperkenalkan untuk dipertandingkan. Jabatan telah terpilih sebagai agensi penyelaras bagi “Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan dan Akaun (AIPKA)”. Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan dan diketuai oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) dan Panel Penilai telah diketuai oleh Pengarah Sektor Audit Persekutuan (Sosial dan Keselamatan). Panel penilai adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Jabatan Gred 52 dan ke atas dan sebanyak 14 penyertaan telah diterima dari pelbagai agensi di bawah JPM. Maklumat lengkap Agensi/Jabatan yang menyertai anugerah tersebut adalah seperti di jadual berikut :

PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

BIL	JABATAN/BAHAGIAN	PROJEK INOVASI
1	Jabatan Perkhidmatan Awam	Laman Interaktif e-Audit
2	Bahagian Kabinet, Perlembagaan Dan Perhubungan Antara Kerajaan JPM	Sistem Pemantauan Kontrak e-KPP
3	MAMPU JPM	Sistem Pemantauan Kewangan (SPAKEW)
4	Bahagian Akaun JPM	Sistem <i>e-Helpdesk</i>
5	Bahagian Akaun JPM	Sistem <i>e-AP58(a)</i>
6	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN)	e-Kewangan Rukun Tetangga
7	Bahagian Pengurusan Hartanah JPM	Program Promosi BPH
8	Bahagian Pengurusan Hartanah JPM	Pengurusan Tunggakan Sewa Kuarters Bagi Penghuni Baru Melalui Potongan Deposit
Sebanyak 25 syarikat milik Kerajaan Negeri telah diaudit oleh Cawangan-cawangan Audit Negeri pada tahun 2009. Pecahan bilangan syarikat yang diaudit mengikut negeri adalah seperti di jadual di bawah:

BILANGAN SYARIKAT MILIK KERAJAAN YANG DIAUDIT PADA TAHUN 2009

BIL.	NEGERI	BILANGAN SYARIKAT
1	Johor	2
2	Kedah	2
3	Kelantan	1
4	Melaka	2
5	Negeri Sembilan	2
6	Pahang	2
7	Perak	2
8	Perlis	2
9	Pulau Pinang	2
10	Sabah	2
11	Sarawak	2
12	Selangor	2
13	Terengganu	2
	JUMLAH	25

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2009

BIL.	SYARIKAT YANG DIAUDIT
1	Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.
2	Larkin Sentral Management Sdn. Bhd.
3	Kedah Resort Sdn. Bhd.
4	Yiked Kuari Sdn. Bhd.
5	Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn. Bhd.
6	Melaka International Trade Centre Sdn. Bhd. (MITC)
7	Melaka ICT Holding Sdn. Bhd. (MITCH)
8	Negeri Roadstone
9	MAINS Holding
10	Amanah Saham Pahang
11	Pasdec Resources Sdn. Bhd.
12	Syarikat Perak Corporation Sdn. Bhd.
13	Kuda Sejati Sdn. Bhd.
14	Perlis Properties Sdn. Bhd.
15	Kota Kangar Sdn. Bhd.
16	PDC Setia Urus Sdn. Bhd.
17	PDC Properties Sdn. Bhd.
18	Kolej Komuniti Yayasan Sabah Sdn. Bhd.
19	Sabah Development Bank
20	Sarawak Plantation Bhd.
21	Sarawak Energy Bhd.
22	PNSB
23	PKNS Infra Sdn. Bhd.
24	Top IT Sd. Bhd.
25	Trefound Educare Sdn. Bhd.

Badan Berkanun Persekutuan

Sepanjang tahun 2009, Pengauditan Pengurusan Syarikat telah dijalankan terhadap 12 syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana lebih 50% modal saham dipegang oleh Badan Berkanun Persekutuan. Diantara syarikat yang telah diaudit adalah seperti di jadual berikut :

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2009

BIL	SYARIKAT YANG DIAUDIT	AGENSI
1	Pempena Sdn Berhad	Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia
2	CIDB E-Construct Services Sdn Berhad	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
3	Kesedar Inn Sdn Berhad	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
4	TH Travel Services Sdn. Berhad	Lembaga Tabung Haji
5	Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Berhad	Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
6	Giat Mara Sdn. Berhad	Majlis Amanah Rakyat (MARA)
7	Nikaniaga Sdn. Berhad	Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah
8	Ketengah Perwira Sdn Berhad	
9	Forest Plantation Development Sdn. Berhad	Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
10	FAMA Corporation Sdn. Berhad	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
11	UiTM Hospitality Management Services Sdn Berhad	Universiti Teknologi MARA
12	Uniutama Travel & Tours Sdn. Berhad	Universiti Utara Malaysia

LAIN-LAIN PENGAUDITAN

Jabatan Audit Negara juga telah melaksanakan beberapa pengauditan seperti Kajian Khas, Penampilan Audit, Pengauditan Akaun Panjar Luar Negeri dan Penilaian Khas.

Kajian / Audit Khas

Pengauditan ini dilaksanakan terhadap aktiviti tertentu atas permintaan Agensi Pusat/*stakeholder* serta bagi memenuhi keperluan/syarat yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan pihak pemegang konsesi. Diantara pengauditan yang dijalankan adalah seperti di jadual berikut:

KAJIAN / AUDIT KHAS TAHUN 2009

BIL.	TAJUK KAJIAN
1	Pengauditan Terhadap Syarikat Konsesi Lebuhraya Bertol Terhadap i. SPRINT ii. SMART iii. Lebuhraya Timur Barat
2	Pengauditan Terhadap Dana Kumpulan Wang Amanah Pencen bagi Pembinaan Rumah Mampu Milik oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad
3	Pengauditan Terhadap Pemberian Khas Pembelian Getah oleh MARDEC Berhad
4	Pengauditan Terhadap Pengurusan, Operasi dan Kewangan Jambatan Kedua Sdn. Bhd
5	Pengauditan Terhadap Bayaran <i>User Fee</i> Bagi Tempoh 1 April - 31 Mac 2009 oleh Malaysia Airports Holdings Berhad
6	Pengauditan Terhadap Tuntutan Subsidi dan Insentif pada tahun 2008 oleh MASWings

KAJIAN/AUDIT KHAS TAHUN 2009

BIL.	TAJUK KAJIAN
7	Pengauditan Terhadap Tuntutan PSO Bagi Tahun 2008 oleh Malaysian Airlines System Berhad
8	Pengauditan Terhadap Pengurusan 1Malaysia Development Bhd
9	Pengauditan Terhadap Perolehan Baja Oleh FELCRA Bhd
10	Pengauditan Terhadap Prestasi Syarikat CTRM
11	Semakan Terhadap Dokumen Berkaitan Projek Pembinaan Jambatan Ke-2 Yahya Petra, Kota Bharu, Kelantan
12	Kajian Audit Terhadap Kos Projek Pembinaan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di bawah Kementerian Sumber Manusia.
13	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Hospital Sungai Buloh, Ampang dan Serdang, Selangor.
14	Laporan Yang Disatukan Untuk Kajian Audit Terhadap Pengurusan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) Seluruh Negara.
15	Kajian Audit Terhadap Pengurusan Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Di Negeri Kelantan.
16	Kajian Audit Terhadap Pembinaan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 Di Bawah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
17	Kajian Audit Terhadap Pusat Latihan Antarabangsa (ITC) Telok Kalong, Kemaman, Terangganu.
18	Siasatan Aduan Mengenai Staf FELCRA Menjadi Peserta Projek
19	Siasatan Aduan Perolehan Kabin Oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.
20	Siasatan Aduan Pembinaan Jeti Marina Di Tg. Gemok Rompin, Pahang.
21	Modul Pembelian Terus Sistem ePerolehan (Kajian Audit ICT)
22	Sistem eKhidmat (eServices) Jabatan Pengangkutan Jalan (Kajian Audit ICT)
23	Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) (Kajian Audit ICT)
24	Sistem Sekolah Bestari (Smartschool) (Kajian Audit ICT)
25	Projek Managed Portal Services (MPS) (Kajian Audit ICT)

Penampilan Audit

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barangan berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai laci atau bekas-bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemaskini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Bagi tahun 2009, Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut/Penampilan Audit di 103 pejabat Kerajaan di seluruh negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:-

PEMERIKSAAN MENGEJUT/PENAMPILAN AUDIT SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2009

BIL.	CAWANGAN/ SEKSYEN AUDIT	BIL.	PEJABAT YANG DILAWATI	TARIKH LAWATAN
(A)	Peringkat Ibu Pejabat			
1	Kementerian Dalam Negeri	1	Pusat Pencegahan Pemulihan Narkotik Sg. Besi (PUSPEN)	23.04.2009
		2	Depot Tahanan Imigresen KLIA	06.05.2009
		3	Pejabat Pendaftaran Negara Daerah Hulu Langat	06.05.2009
		4	Pusat Pencegahan Pemulihan Narkotik Sepang (IKHLAS)	01.07.2009
		5	Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam, Selangor	08.07.2009
		6	Pejabat Pendaftaran Negara Daerah Sepang	23.07.2009
		7	Pejabat Pertahanan Awam W.P. Kuala Lumpur	29.07.2009
		8	Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul	02.09.09
		9	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Wilayah Persekutuan, KL	07.10.09
		10	Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya	27.10.09
2	Kesihatan	11	Klinik Kesihatan Bangi	18.06.2009
		12	Klinik Kesihatan Kulai	10.07.2009
		13	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kota Setar/Pendang	28.07.2009
		14	Klinik Gigi Cheras	17.08.09
		15	Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Selangor	8.10.2009
		16	Pejabat Kesihatan Daerah Petaling	26.10.2009
		17	Poliklinik Komuniti Puchong	27.10.2009
		18	Pejabat Kesihatan Kangar	13.11.2009
		19	Pejabat Kesihatan Sabak Bernam	21.12.2009
		20	Pejabat Kesihatan Kuala Selangor	22.12.2009
3	Pelbagai Kementerian/ Jabatan I	21	Bahagian Pentadbiran Am & Kewangan - Jabatan Sumber Manusia, DBKL	11.03.2009
		22	Pejabat DBKL Cawangan Bukit Bintang	18.03.2009
		23	Klinik Kesihatan Ibu & Kanak-kanak Jalan Hang Tuah	16.04.2009
		24	Klinik Kesihatan Ibu & Kanak-kanak Taman Sri Rampai	16.04.2009
		25	Klinik Kesihatan Ibu & Kanak-kanak Sri Pahang Flat (Bukit Bangsar)	16.04.2009
		26	Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Selangor	29.05.2009
		27	Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Sarawak	10.06.2009
		28	Jabatan Meteorologi, Cawangan Sarawak	10.06.2009
		29	Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Kedah	23.06.2009
		30	Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Kedah	23.06.2009

**PEMERIKSAAN MENGEJUT/PENAMPILAN AUDIT
SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2009**

BIL.	CAWANGAN/ SEKSYEN AUDIT	BIL.	PEJABAT YANG DILAWATI	TARIKH LAWATAN
[A]	Peringkat Ibu Pejabat			
4	Pendidikan	31	Jabatan Pelesenan Kementerian Pelancongan	06.10.2009
		32	Jabatan Belia dan Sukan, WP	05.10.2009
		33	Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Kelantan	15.07.2009
		34	Kolej Komuniti Selayang	13.05.2009
		35	Kolej Komuniti Hulu Selangor	19.05.2009
		36	Kolej Komuniti Kuala Langat	21.05.2009
		37	Sekolah Sukan Bandar Penawar	13.08.2009
		38	Pejabat Pelajaran Daerah Sibul	08.07.09
		39	Sek.Keb. Chuchuh Puteri	03.08.09
		40	Sek. Keb. Bechah Kelubi	04.08.09
		41	Sek. Keb. Kubang Chenok	04.08.09
		42	Sek. Keb. Ulu Kusial, Kelantan	05.08.09
		43	Sek. Keb. Sg. Sirih	13.08.09
		44	Sek. Keb. Keratong 1	19.08.09
		45	Sek. Keb. Kedaik	20.08.09
		46	Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan	03.09.09
5	Pertahanan	47	Maktab Turus Angkatan Tentera	05.05.2009
		48	Markas Armada, Pangkalan TLDM, Lumut	28.05.2009
		49	Kumpulan Ordhans, Kem Kementah	09.07.2009
		50	MTL, Sekretariat	10.07.2009
		51	Markas Operasi Udara, Kementerian Pertahanan	24.12.2009
6	Jabatan Perdana Menteri	52	Mahkamah Majistret Langkawi	21.04.2009
		53	Pejabat Biro Bantuan Guaman (BBG) Langkawi	22.04.2009
		54	Pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM), Langkawi	23.04.2009
		55	Pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim (APMM), Kota Kinabalu	19.05.2009
		56	Biro Bantuan Guaman (BBG) Kuantan, Pahang	28.05.2009
		57	Mahkamah Majistret Kuala Lipis, Pahang	12.06.2009
		58	Mahkamah Majistret Cameron Highland	17.07.2009
		59	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Cameron Highland	20.07.2009
		60	Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura	29.07.2009
		61	Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) di Singapura	30.07.2009
		62	Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) di Singapura	31.07.2009
		63	Rumah Peranginan Persekutuan (RPP) Cameron Highland	13.07.2009
7	Kerja Raya	64	JKR Daerah Kluang	26.03.2009
		65	JKR Daerah Gombak	06.04.2009
8	Pelbagai Kementerian/ Jabatan III	66	Pejabat Pembangunan Wanita/Rumah Nur Negeri Melaka	10.08.2009
		67	Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Melaka Dan Negeri Sembilan	10.12.2009

**PEMERIKSAAN MENGEJUT/PENAMPILAN AUDIT
SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2009**

BIL	CAWANGAN/ SEKSYEN AUDIT	BIL	PEJABAT YANG DILAWATI	TARIKH LAWATAN
(B)	Peringkat Cawangan Audit Negeri			
1.	Kelantan	68	Jabatan Ukur Dan Pemetaan	18.02.2009
		69	Pusat Serenti Bachok	19.02.2009
		70	Stesen Kastam Rantau Panjang	10 - 11.03.2009
		71	Hospital Tengku Anis, Pasir Puteh	13.04.2009
		72	Stesen Kastam Pengkalan Kubur	17.03.2009 - 23.03.2009
		73	JKR Feri Pengkalan Kubur	15.04.2009
		74	Stesen Kastam Bukit Bunga	26.03.2009 - 21.04.2009
		75	Mahkamah Seksyen Kota Bharu	18.01.2009
		76	Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Puteh	20.04.2009
		77	Politeknik Kota Bharu	27.04.2009
		78	Pusat Pemulihan Akhlak Machang	28.04.2009
		79	Pusat Serenti Jeli	29.04.2009
		80	Pejabat Polis Daerah Pasir Puteh	19.05.2009
81	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional	06.10.2009		
2.	Perak	82	Jabatan Hal Ehwal Pengguna Gerik	22.01.2009
		83	Kolej Jururawat Taiping	16-17.02.2009
		84	JKR Tentera Taiping	18.02.2009
		85	Kompleks Abatoir	
		86	Rumah Sembelih Taiping	25-26.02.2009
		87	Balai Bomba Dan Penyelamat Bidor	02.03.2009
		88	Balai Bomba Dan Penyelamat Tg Malim	03.03.2009
		89	Balai Bomba Teluk Intan	12.03.2009
		90	Balai Bomba Tapah	16.03.2009
		91	Balai Bomba Parit	17.03.2009
		92	Balai Bomba Kuala Kangsar	26.03.2009
		3.	Sarawak	93
94	Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Sibul			14.04.2009
95	Kastam Diraja Malaysia Sibul			17.04.2009
96	Kastam Diraja Malaysia			23.04.2009
97	Pejabat Pendidikan Daerah Kecil, Maradong			23.04.2009
98	SMK ST Anthony, Sarikei			28.04.2009
99	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Sarikei			28.04.2009
100	Ibu Pejabat Polis Daerah Daro			28.04.2009
101	Kastam Diraja Malaysia, Sarikei			28.04.2009
102	Jabatan Pendaftaran Bintangor			30.04.2009
103	Pejabat Pelajaran Daerah Kuching			27.05.2009

Manakala Bahagian Pemeriksaan Mengejut, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan telah menjalankan Pemeriksaan Mengejut di 306 Pusat Tanggung Jawab/Pusat Kos (PTJ/PK) seperti di Jadual berikut :

**SENARAI NAMA JABATAN/PEJABAT
YANG DIPILIH SERTA BILANGAN PTJ/PK YANG TERLIBAT DALAM PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2009**

BIL.	BILANGAN PTJ/PK YANG DIPILIH	NAMA JABATAN/PEJABAT	JUMLAH PTJ/PK DIPILIH
1.	21 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan melibatkan hanya satu PTJ/PK sahaja	Ibu Pejabat JAN – Kewangan	21
		Institut Penyelidikan	
		Jabatan Kebudayaan dan Kesenian	
		Jabatan Pengangkutan	
		Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta	
		Jabatan Perhutanan	
		Jabatan Ukur dan Pemetaan	
		JAN Sarawak	
		KDN & Hal Ehwal Pengguna	
		Klinik Pergigian	
		Kolej Komuniti	
		Kolej Radiografi	
		Pejabat Hal Ehwal Orang Asli	
		Pejabat MARA	
		Pejabat Pelajaran	
		Pejabat Perdagangan Dalam Negeri	
		Pejabat Perhilitan	
Pejabat Perikanan			
Pejabat Pergigian			
Perpustakaan Bahagian/Daerah			
Politeknik			
RTM (Radio & Televisyen Malaysia)			
2.	6 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan meliputi 2 PTJ/PK bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut	Hospital	12
		Ibu Pejabat Polis	
		Kemajuan Jabatan Kemajuan Masyarakat	
		Pej Perkhidmatan Vertinair/Haiwan	
		Pejabat Kesihatan	
3.	2 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan meliputi 3 PTJ/PK bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut	Suruhanjaya Koperasi	6
		Balai Polis dan Pejabat Hutan	
4.	4 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan meliputi 4 PTJ/PK bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut	Pejabat/jabatan Farmasi	16
		Majlis Agama Islam	
		Jabatan Keselamatan dan Kesihatan	
		Kolej Kejururawatan	
5.	3 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan meliputi 5 PTJ/PK bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut	Pejabat/ Unit Farmasi	15
		Pejabat/Jabatan Kebajikan Masyarakat	
		Pejabat Pendaftaran	

**SENARAI NAMA JABATAN/PEJABAT
YANG DIPILIH SERTA BILANGAN PTJ/PK YANG TERLIBAT DALAM PENGAUDITAN BAGI TAHUN 2009**

BIL.	BILANGAN PTJ/PK YANG DIPILIH	NAMA JABATAN/PEJABAT	JUMLAH PTJ/PK DIPILIH
6	4 Jabatan/Pejabat dipilih untuk diaudit dan meliputi 6 PTJ/PK bagi setiap Jabatan/Pejabat tersebut	Lembaga Zakat dan Pejabat Zakat Pejabat/Pusat FAMA Pejabat Belia Kompleks Belia dan Sukan Lembaga Pertubuhan Peladang	24
7	1 Jabatan dipilih yang meliputi 8 PTJ/PK untuk diaudit	Jabatan Belia dan Sukan	8
8	1 Pejabat dipilih yang meliputi 9 PTJ/PK untuk diaudit	Pertubuhan Peladang	9
9	1 Pejabat dipilih yang meliputi 11 PTJ/PK untuk diaudit	Majlis Perbandaran	11
10	1 Pejabat dipilih yang meliputi 12 PTJ/PK untuk diaudit	Jabatan Imigresen	12
11	1 Pejabat dipilih yang meliputi 13 PTJ/PK untuk diaudit	Pejabat RISDA	13
12	1 Pejabat dipilih yang meliputi 16 PTJ/PK untuk diaudit	Pejabat Tanah dan Daerah	16
13	2 Pejabat dipilih yang meliputi 18 PTJ/PK untuk diaudit	Pejabat KEMAS Stesen MARDI	18
14	1 Jabatan/Pejabat dipilih yang meliputi 21 PTJ/PK untuk diaudit	Jabatan/Pejabat Agama Islam	21
15	1 Jabatan/Pejabat dipilih yang meliputi 39 PTJ/PK untuk diaudit	Jabatan Pendaftaran	39
16	1 Jabatan/Pejabat dipilih yang meliputi 65 PTJ/PK untuk diaudit	Balai Bomba	65
Bilangan Auditi Yang Telah Di Audit Pada Tahun 2009			306

PENGAUDITAN AKAUN PANJAR LUAR NEGERI, AKAUN UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP)/ UNITED NATIONS POPULATION FUND (UNFPA) DAN AKAUN PINJAMAN

Sepanjang tahun 2009, pelaksanaan pengauditan terhadap Akaun Panjar Luar Negeri, Akaun Pinjaman serta Akaun UNDP/ UNFPA adalah seperti di jadual berikut :

**BILANGAN AKAUN PANJAR LUAR NEGERI AKAUN
UNDP/UNFPA DAN AKAUN PINJAMAN PADA TAHUN 2009**

BIL.	JENIS AKAUN	BILANGAN
1	Akaun Panjar Luar Negeri	68
2	Akaun Pinjaman	11
3	Akaun UNDP/UNFPA	6
JUMLAH		85

Penilaian Khas

Atas permintaan Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara juga telah membuat Penilaian Khas terhadap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah kawalan pegawai Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA). Penilaian ini adalah bertujuan untuk membuat pengesahan jawatan mereka. Bagi tahun 2009, penilaian telah dibuat di Kementerian/Jabatan/Agensi yang melibatkan seramai 63 pegawai JUSA. Penglibatan Jabatan Audit Negara dalam membuat penilaian ini secara tidak langsung telah menyumbangkan kepada pengukuhan pengurusan kewangan sektor awam kerana pegawai yang dinilai itu akan turut memastikan bahawa pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti di bawah jagaan mereka telah diuruskan dengan baik.

Pengauditan Air

Pengauditan Teknikal Bekalan Air

Pengauditan *Across-The-Board* (ATB) Air Tidak Berhasil (NRW) 2009 dijalankan di lima buah negeri iaitu Sabah, Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Ia melibatkan penyediaan Memorandum Perancangan Audit, taklimat kepada semua Pengarah Audit Negeri dan Juraudit terlibat, mengadakan bengkel, *entrance conference*, bimbingan pengauditan di tapak, semakan laporan akhir negeri, *exit conference* dan laporan penyatuan.

Pengauditan ini menunjukkan Kehilangan Air atau Air Tidak Berhasil (NRW) dalam sistem bekalan air di negara ini sangat ketara sehingga kadar NRW mencapai 50% di beberapa negeri dengan purata sekitar 37% bagi seluruh negara. Peruntukan RMKe-9 untuk mengurangkan NRW sahaja telah melebihi RM1 bilion. Dengan kadar purata NRW Kebangsaan 2008 sebanyak 37% adalah dianggarkan kerajaan kehilangan sebanyak RM 2.23 billion setahun. Pelaksanaan program kawalan NRW yang menyeluruh dan berterusan merupakan perkara yang perlu diberi perhatian. Laporan akhir akan melihat penanda aras boleh dibuat di antara negeri-negeri.



Lawatan tapak NRW di Sandakan



Projek Menaiktaraf Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur – Tuntutan Jabatan Kerja Raya ke Atas Kos Pengalihan Paip dan Pembinaan *Steel Trusses*

Pengauditan ini dijalankan berdasarkan permohonan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri kepada Ketua Audit Negara. Pengauditan telah dilaksanakan terhadap tuntutan Jabatan Kerja Raya ke atas Kos Pengalihan Paip dan pembinaan *Steel Trusses* ke atas SYABAS di bawah Liabiliti Luar Jangka.

Pengauditan Teknikal Pengairan dan Saliran

Bagi tahun 2009, dua kajian Pengauditan Pengairan dan Saliran telah dilaksanakan oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) bersama Sektor Audit Kerajaan Persekutuan iaitu Kajian Pelaksanaan Projek Hakisan Pantai Persekutuan yang melibatkan projek di negeri Sabah, Perak, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pahang dan Kajian Kerja-Kerja Penyenggaraan Hakisan Pantai di Pulau Pinang.



Lawatan Tapak Projek Hakisan Pantai Negeri Pulau Pinang pada bulan Disember



Lawatan Tapak Projek Hakisan Pantai Persekutuan di Kedah pada bulan Jun

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong/Raja/Yang di-Pertua Negeri yang akan mengarahkan laporan itu dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri (DUN).

Persekutuan

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam dan Aktiviti Kementerian/Jabatan serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2008 telah dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri pada 19 Oktober 2009.

Negeri

Laporan Ketua Audit Negara tahun 2008 bagi negeri-negeri telah berjaya disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dan telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2009 iaitu lebih awal daripada sesi pembentangan Bajet Tahun 2010. Selain pembentangan di Parlimen, undang-undang juga menetapkan supaya Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri-negeri dibentangkan di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Kedudukan pembentangan bagi Laporan tahun 2008 sehingga 31 Disember 2009 adalah seperti di jadual berikut:

**TARIKH PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2008 DI DEWAN UNDANGAN NEGERI**

BIL.	NEGERI	TARIKH DIBENTANGKAN DI DUN
1	Johor	19 November 2009
2	Kedah	17 November 2009
3	Kelantan	Belum Bentang
4	Melaka	9 November 2009
5	Negeri Sembilan	20 November 2009
6	Pahang	20 November 2009
7	Perak	Belum Bentang
8	Perlis	15 Disember 2009
9	Pulau Pinang	30 November 2009
10	Sabah	16 November 2009
11	Sarawak	9 November 2009*
12	Selangor	9 November 2009
13	Terengganu	Belum Bentang

* Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi serta Pengurusan Syarikat Negeri Sarawak Tahun 2008 belum dibentang di Dewan Undangan Negeri.

Badan Berkanun Persekutuan

Laporan Ketua Audit Negara bagi Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2008 telah dibentangkan di Parlimen pada 19 Oktober 2009.

Penglibatan Dalam Pelbagai Aktiviti

Program Anak Angkat dilaksanakan bagi memberi bimbingan dan nasihat kepada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan dalam meningkatkan kualiti pengurusan kewangan. Pada tahun 2009, sebanyak 11 Jabatan/Agensi telah menyertai Program Anak Angkat di bawah kelolaan Sektor Audit Kerajaan Persekutuan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut:

**PROGRAM ANAK ANGKAT SEKTOR AUDIT KERAJAAN
PERSEKUTUAN TAHUN 2009**

BIL.	CAWANGAN	AUDITI
1	Johor	Kolej Komuniti Bandar Penawar, Kota Tinggi
2	Kedah	Pejabat Kesihatan Daerah Sik
3	Kelantan	Pusat Pemulihan Akhlak Machang
4	Melaka	Mahkamah Majistret, Jasin
5	Pahang	Mahkamah Sesyen Temerloh
6	Perak	Mahkamah Sesyen, Ipoh, Perak
7	Pulau Pinang	Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung
8	Selangor	Pejabat Farmasi Selangor
9	Sabah	Jabatan Kesihatan Negeri WWP Labuan
10	Sarawak	SMK. Matang Hilir, Kuching, Sarawak
11	Terengganu	Sek. Tunas Bakti Marang (Kem. Wanita)

Akademi Audit Negara



HUBUNGAN ANTARABANGSA

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Dalam usaha untuk meningkatkan imej Jabatan Audit Negara di peringkat antarabangsa, penekanan diberi melalui penglibatan aktif dalam persidangan, seminar, bengkel, kursus, mesyuarat dan pembentangan kertas kerja anjuran *International Organisation Of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*, *Asian Organisation Of Supreme Audit Institutions (ASOSAI)* dan Institusi Audit Antarabangsa yang lain. Penyertaan dalam aktiviti tersebut dapat memberi pendedahan kepada pegawai mengenai pengauditan sektor awam di peringkat antarabangsa melalui perkongsian pengalaman dan pengetahuan. Penglibatan Jabatan di peringkat antarabangsa adalah seperti berikut:

MESYUARAT/PERSIDANGAN

INTOSAI

Mesyuarat Ke-12 INTOSAI Working Group On Environmental Auditing

Mesyuarat ke-12 INTOSAI Working Group on Environmental Auditing (INTOSAI-WGEA) yang diadakan di Doha Qatar pada 25-29 Januari 2009, telah dihadiri oleh Y. Bhg. Dato' Haji. Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Tuan Haji Sawaludin bin Mohd Nor, Timbalan Pengarah Audit Bahagian Pengauditan Alam Sekitar dan En. Nurul Al Bakri bin Mohamad, Penolong Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar. Antara lain, mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membantu SAI dan kerajaan negara masing-masing bagi memperbaiki keadaan alam sekitar serta mengawal kesihatan dan keselamatan penduduk dengan cara bertukar-tukar informasi, mengadakan kerjasama dan penambahbaikan kaedah pengauditan. Bahagian Pengauditan Alam Sekitar telah menyediakan kertas pembentangan bertajuk *Clinical Waste Management* yang telah dibentangkan oleh Y. Bhg Dato' Haji. Anwari bin Suri dalam mesyuarat tersebut.



Simposium UN/INTOSAI ke-20

Simposium Ke-20 UN/INTOSAI ini telah berlangsung di *Vienna International Centre*, Vienna pada 11-13 Februari 2009, telah dihadiri oleh Y. Bhg. Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan Encik Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Audit Negeri Sarawak. Seramai 150 peserta yang terdiri daripada wakil peringkat tertinggi dari *World Bank/INTOSAI/United Nations/Institute of Internal Auditors/INTERPOL/United Nations Convention of Anti Corruption* serta SAIs telah menjayakan simposium berkenaan. Sebanyak 19 kertas kerja telah dibentangkan atas tema *INTOSAI- Active Partner In The International Anti Corruption Network: Ensuring Transparency To Promote Social Security and Poverty Reduction*. Simposium ini telah memberi manfaat yang berguna dan relevan dengan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Audit Negara.



Mesyuarat ke -18 INTOSAI Working Group on IT Audit



Mesyuarat ke-18 *INTOSAI Working Group on IT Audit* telah diadakan pada 20-22 April 2009. Ia juga merupakan penyertaan kali pertama Malaysia sebagai ahli baru dalam kumpulan kerja berkenaan. Mesyuarat yang berlangsung di Doha, Qatar ini telah dihadiri oleh 56 peserta yang mewakili 23 negara anggota INTOSAI. Jabatan Audit Negara Malaysia telah diwakili oleh En. Y Hamdan bin Mohd Dom, Timbalan Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan ICT dan Pn. Nor Salwani binti Muhammad, Timbalan Pengarah Audit, Cawangan Pelbagai Kementerian dan Jabatan I. Mesyuarat turut membincangkan persediaan terakhir untuk ke kongres INTOSAI (INCOSAI) yang akan diadakan di Afrika Selatan pada bulan November tahun 2010 serta persiapan mesyuarat WGITA ke 19 yang akan diadakan di Beijing, China pada bulan April 2010.

Course Design and Development Workshop on e-Enabled Blended Training Programme for Trainers (EBTPT)



Pn. Hasnira binti Husin, Penolong Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan ICT telah berjaya dipilih untuk menghadiri kursus sambungan di bawah program *e-Enabled Blended Training Programme for Trainers* anjuran IDI-ASOSAI di Beijing, China dari 11-29 Mei 2009. Kursus ini memberi peluang kepada peserta untuk menjadi *training specialist* di bawah program *IDI Certified Training Specialist* seterusnya menyumbang kepada Jabatan Audit Negara dan juga di peringkat antarabangsa melalui pemberian latihan. Pn. Hasnira juga telah mengikuti program ini dengan jayanya dan beliau telah ditauliahkan oleh IDI sebagai salah seorang *Training Specialist* di bawah program ini.

3rd Meeting of INTOSAI Working Group on Fight Against International Money Laundering and Corruption (WG on FAIMLAC)



Mesyuarat kali ke-3 yang berlangsung pada 14-16 Julai 2009 di Jakarta, Indonesia ini merupakan penyertaan kali pertama Jabatan Audit Negara setelah menganggotai kumpulan kerja ini pada tahun 2009. Jabatan yang diwakili oleh Pn. Hj. Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad telah dijemput untuk menyertai mesyuarat ini sebagai salah seorang Pemerhati. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai Garis Panduan dalam membanteras rasuah serta kawalan ke atas *money laundering*. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh seramai 20 delegasi dan lima pemerhati dari 12 buah negara ahli INTOSAI.

8th Steering Committee Meeting of INTOSAI WGEA

Mesyuarat yang berlangsung pada 3-6 Ogos 2009 di Bali, Indonesia telah dihadiri oleh Y.Bhg. Dato' Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri), Tuan Haji Sawaludin bin Mohd Nor, Timbalan Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar dan En. Manap bin Japar, Penolong Pengarah Audit, Cawangan Negeri Johor. Kertas bertajuk *Parallel Audit On Forest Management* telah dibentangkan oleh Y.Bhg. Dato' Haji Anwari bin Suri. Selain itu satu klip video bagi lawatan fizikal ke Hutan Lojing, Kelantan menggunakan perkhidmatan helikopter Jabatan Alam Sekitar Kelantan telah dipertontonkan.



ASOSAI

ASOSAI Seminar on Social Security Audit Anjuran National Audit Office of the People's Republic of China (CNAO)

En Jeferi bin Darhman, Penolong Pengarah Audit Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri), telah dipilih untuk menghadiri ASOSAI *Seminar on Social Security Audit* di Beijing, China pada 1-8 September 2009. Seminar selama 8 hari itu telah dirasmikan oleh Pn Yu Xiaoming, *Deputy Auditor General of China National Audit Office (CNAO)*. Seramai 35 peserta telah mengambil bahagian mewakili 28 SAI dari Asia dan Timur Tengah. Seminar tersebut diadakan bertujuan untuk berkongsi pendapat mengenai pendekatan dan teknik pengauditan. Ia menggalakkan komunikasi dan kerjasama serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan peserta dari Negara Asia dan Timur Tengah mengenai isu keselamatan sosial serta kepentingannya. Program selama 8 hari melibatkan persembahan/pembentangan kajian mengenai keselamatan sosial yang telah dijalankan dan siri lawatan ke *Tianjin Municipal Audit Office, Jingjinji Resident Audit Office, Culture Street, Great Wall, Olympic Park, Palace Museum dan Tiananmen Square*.



Mesyuarat Jawatankuasa Latihan ASOSAI Sempena Perhimpunan ASOSAI Ke-11

Satu mesyuarat mengenai Jawatankuasa Latihan ASOSAI telah diadakan pada 10 Oktober 2009 bertempat di Hotel Serena, Islamabad sempena Perhimpunan ASOSAI ke-11. Jabatan Audit Negara yang juga ahli kepada Jawatankuasa Latihan ini telah diwakili oleh En. Abd. Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara dan Dr. Masiah binti Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Audit (Penyelidikan).



Perhimpunan ASOSAI Ke-11 dan Simposium Ke-4

Perhimpunan ASOSAI ke-11 yang disertai oleh 140 orang delegasi dari 36 ahli anggota negara ASOSAI telah diadakan pada 12 hingga 15 Oktober 2009 di Islamabad, Pakistan. Perhimpunan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli anggota ASOSAI bertukar pandangan dan pengalaman mengenai isu dan perkembangan bidang pengauditan sektor awam di samping mengeratkan hubungan antara mereka. Dalam mesej Perdana Menteri Pakistan sempena perasmian perhimpunan ini, beliau menyebut tentang pentingnya peranan Institusi Utama Audit dalam memastikan wang awam dibelanja dengan berhemat. Menurut beliau adalah perlu Juruaudit dilengkapi dengan kemahiran profesional agar mereka boleh melaksanakan tugas pengauditan dengan efektif. Oleh yang demikian, kerjasama antara Institusi Utama Audit akan dapat membantu meningkatkan kapasiti tersebut. Presiden Pakistan pula dalam mesej beliau menekankan bahawa pengauditan merupakan instrumen pengawasan kewangan yang kritikal bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam penggunaan wang awam. Beliau percaya melalui perhimpunan ini, ahli anggota ASOSAI akan berkongsi pengalaman dan kebijaksanaan bagi membolehkan mereka bertindakbalas terhadap sebarang cabaran tadbir urus yang baik.



Perhimpunan ASOSAI ini terbahagi kepada dua sesi plenari. Pada sesi pertama plenari yang berlangsung pada 12 Oktober 2009, Perhimpunan telah bersetuju menerima Laporan Aktiviti daripada Setiausaha Agung, pembentangan Penyata Kewangan bagi tahun kewangan 2006 - 2008, laporan Jawatankuasa Audit, pembentangan Pelan Strategik serta aktiviti latihan ASOSAI dan *INTOSAI Development Initiative* (IDI). Di samping itu, cadangan untuk meminda Piagam ASOSAI yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas dan laporan-laporan mengenai projek penyelidikan ke-8, Jurnal dan Laman Rasmi ASOSAI, Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran INTOSAI dan Jawatankuasa Perkongsian Pengetahuan INTOSAI juga dipersetujui.



Sesi Plenari Pertama

Pada Perhimpunan ini, ahli anggota ASOSAI telah dimaklumkan mengenai pencalonan negara-negara bagi jawatan ahli Lembaga Pengelola ASOSAI dan Jawatankuasa Audit serta penerangan mengenai prosedur pengundian. Setiausaha Agung ASOSAI juga telah mengisytiharkan beberapa jawatan/hos baru seperti berikut:

- Pengerusi Perhimpunan - Institusi Utama Audit Pakistan
- Hos Perhimpunan 2012 - Institusi Utama Audit India
- Setiausaha Agung - Institusi Utama Audit Korea Selatan
- Ahli ASOSAI yang dilantik bagi Lembaga Pengelola INTOSAI - Institusi Utama Audit Pakistan.



Turut diadakan sempena perhimpunan ini ialah Simposium ASOSAI ke-4 dengan tajuk *The Role of SAIs in Enhancing Effectiveness of Public Expenditure* yang berlangsung pada 14 Oktober 2009. Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia adalah antara panel yang menyertai pembentangan dan perbincangan topik ini selain dari negara Bhutan, Pakistan dan Russia. Dalam pembentangan Ketua Audit Negara, beliau memfokuskan kepada Indeks Akauntabiliti bagi meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam. Inisiatif ini telah menarik minat Pengerusi panel iaitu En. Tanwir Ali Agha yang menyifatkan ia sebagai satu inisiatif yang amat inovatif. Indeks Akauntabiliti juga mendapat perhatian para delegasi semasa perbincangan terbuka terutama mengenai penerimaan Indeks Akauntabiliti oleh Kerajaan dan impak Indeks Akauntabiliti terhadap operasi Audit.



Pada 15 Oktober 2009, para delegasi pada sesi kedua Plenari ini bersetuju menerima Laporan Pengerusi mengenai Simposium ASOSAI ke-4, pembentangan bajet ASOSAI 2009 oleh Setiausaha Agung dan laporan terhadap Jawatankuasa Kerja Pengauditan Alam Sekitar oleh Institusi Utama Audit China. Perhimpunan juga telah dimaklumkan mengenai komposisi ahli Lembaga Pengelola ASOSAI bagi tahun 2010 - 2012 yang terdiri daripada negara Kuwait, Indonesia, Bangladesh, Turki Vietnam dan Iraq. Manakala Jawatankuasa Audit yang dipilih ialah Institusi Utama Audit Saudi Arabia dan Mongolia. Sesi ini juga menyaksikan ucapan daripada Ketua Audit Negara India sebagai hos Perhimpunan ASOSAI 2012 dan Ketua Audit Negara Korea Selatan sebagai Setiausaha Agung ASOSAI 2010-2012. Ucapan penutup Perhimpunan daripada Pengerusi ASOSAI iaitu Ketua Audit Negara Pakistan mengakhiri sesi ini.



Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI Ke-40

Pada 11 Oktober 2009, delegasi yang diketuai oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara telah menghadiri mesyuarat ke-40 Lembaga Pengelola ASOSAI yang bertempat di Islamabad, Pakistan. Delegasi ini turut disertai oleh dua orang pegawai iaitu En. Abdul Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara dan Dr. Masiah binti Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Audit (Penyelidikan). Antara keputusan-keputusan penting yang telah dicapai semasa mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- ASOSAI dianggotai oleh 45 buah negara dengan tambahan keanggotaan oleh SAI Armenia dan Singapura.
- Menubuhkan pasukan bertugas untuk membangun dan mengemaskini Pelan Strategik 2005-2009.
- Deraf terakhir Garis Panduan perlu diluluskan sebelum dikemukakan ke persidangan.
- Pada tahun 2010, ASOSAI akan menganjurkan Bengkel Pengauditan Alam Sekitar di Turki.
- Tiga program kerjasama yang baru dan berpotensi telah dikenalpasti iaitu isu-isu berkaitan alam sekitar, jaminan kualiti dalam Pengauditan Prestasi serta pembangunan dan Pelaksanaan Pelan Strategik.
- Seminar *How To Strengthen a SAI Meet Public Expectation on SAI* akan bermula pada tahun 2010.
- Lembaga telah bersetuju dengan pindaan undang-undang dan peraturan ASOSAI mengenai keahlian dalam Lembaga Pengarah. Contoh pindaan adalah seperti yang berikut:
 - ▶ Daripada sembilan orang ahli kepada 11 orang ahli.
 - ▶ Pengerusi dan Setiausaha Agung Lembaga Pengelola yang lepas dilanjutkan tempoh ke satu penggal lagi.
- SAI Jepun dilantik sebagai *Training Administrator*.
- SAI Pakistan telah dicalonkan sebagai wakil ASOSAI ke Lembaga Pengelola INTOSAI.



HUBUNGAN DUA HALA

MOU DENGAN BADAN PEMERIKSA KEUANGAN REPUBLIK INDONESIA

Mesyuarat Teknikal Keempat Pelaksanaan MOU Antara Jabatan Audit Negara Malaysia Dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia

Mesyuarat MOU antara Jabatan Audit Negara Malaysia dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia telah diadakan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia pada 14-15 April 2009. Mesyuarat ini adalah pertemuan di peringkat tertinggi dalam rangka kerjasama bilateral antara Malaysia dan Indonesia dan mesyuarat ini adalah mesyuarat susulan sejak MOU ditandatangani di Mexico pada tahun 2007.

Delegasi Jabatan Audit Negara Malaysia diketuai oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia dan diwakili oleh 8 pegawai kanan lain iaitu En. Abd. Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara, En. Azmin bin Husin, Timbalan Pengarah Audit (Penyelidikan), En. Mohamed Ziadi bin Zakaria, Pengarah Audit Cawangan Negeri Kelantan, En. Ahmad Sanusi bin Yaakob, Timbalan Pengarah Audit, Cawangan Negeri Kedah, Tn. Hj. Abdul Rahim bin Abdul Kader, Timbalan Pengarah Audit Persekutuan (Cukai Pendapatan), Cik. Raftah binti Ibrahim, Timbalan Pengarah Audit (Kastam), En. Mohd Shahril bin Yahya, Ketua Penolong Pengarah Audit, Cawangan Negeri Pahang dan En. Lai Soon Ming, Penolong Pengarah Audit (Cukai Pendapatan). Para delegasi telah memberi laporan status pelaksanaan kerjasama bilateral dan pengajaran (*lessons learnt*) bagi Pengauditan Pengurusan Hutan, cukai dan latihan. Taklimat juga telah diberikan kepada delegasi mengenai penggunaan *Geographic Information System (GIS)* oleh Juruaudit BPK dalam Pengauditan Hutan.

Mesyuarat Teknikal Pertama Bagi *Parallel Audit* Pengurusan Paya Bakau Antara Jabatan Audit Negara Malaysia Dan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia

Bahagian Pengauditan Alam Sekitar dengan kerjasama Cawangan Audit Negeri Sabah telah mengendalikan Mesyuarat Teknikal Pertama di antara Jabatan Audit Negara Malaysia dengan Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia (BPK-RI) bagi Pengurusan Bakau di Selat Melaka secara *Parallel Audit*. Mesyuarat ini telah diadakan di The Pacific Sutera, Sutera Harbour, Kota Kinabalu, Sabah dari 6 hingga 10 Oktober 2009. Objektif utama mesyuarat diadakan adalah bagi membincangkan pelaksanaan projek kerjasama yang kedua antara kedua buah negara iaitu Pengauditan Pengurusan Bakau di Selat Melaka.

Seramai 10 orang delegasi dari BPK-RI yang diketuai oleh Mr. Hadi Priyanto, *Principal Director IV*, Badan Pemeriksa Keuangan Republik Indonesia dan 12 orang delegasi dari Jabatan diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Negeri) telah menghadiri mesyuarat tersebut. Perjalanan mesyuarat dimulai dengan ceramah khas mengenai *Biodiversity In Malaysia* oleh Professor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latif bin Mohamad dari Universiti Kebangsaan Malaysia diikuti ceramah kedua mengenai *Management of Mangrove in the Straits of Malacca* yang telah disampaikan oleh Professor Madya Dr. Mohd. Kamil bin Yusoff dari Universiti Putra Malaysia. Selain itu Tuan Haji Sawaludin bin Mohd Nor, Timbalan Pengarah Audit, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar turut membentangkan kertas bertajuk *Parallel Audit On Management Of Mangroves In The Straits Of Malacca, Impact To The Environment*. Memorandum Persefahaman (MoU) ini telah ditandatangani antara Jabatan dan BPK-RI.



LAWATAN KERJA/KUNJUNGAN HORMAT

Lawatan Kerja Ketua Audit Negara Ke Institusi Audit Emiriah Arab Bersatu

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara beserta dua pegawai iaitu En. Abd. Wahab bin Ahmad dan Dr. Masiah binti Ahmad telah mengadakan lawatan kerja ke Institusi Audit Emiriah Arab Bersatu pada 18 Oktober 2009. Lawatan kerja ini diadakan bersempena program sangkutan tiga pegawai Jabatan selama enam bulan bermula pada 4 Oktober 2009 hingga 8 April 2010. Ketua Audit Negara juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada Dr. Harib Saeed Al Amini, Presiden, Institusi Audit Emiriah Arab Bersatu serta mengadakan perbincangan mengenai program kerjasama dua hala antara kedua-dua negara serta perkembangan terkini pengauditan sektor awam di Malaysia termasuk pelaksanaan Indeks Akauntabiliti.



Lawatan Delegasi Audit Bureau of Jordan

Empat pegawai dari *Audit Bureau of Jordan* telah mengadakan lawatan kerja ke Malaysia pada 27 hingga 29 Oktober 2009. Lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan penerangan berhubung strategi dan pelaksanaan latihan Jabatan Audit Negara yang dijalankan oleh Akademi Audit Negara (AAN). Satu taklimat mengenai AAN telah disampaikan oleh En. Anuar bin Asmuni, Ketua Sekolah Pengauditan. Delegasi turut mengadakan perbincangan berhubung struktur organisasi AAN, program latihan yang dijalankan, penilaian latihan serta rancangan jangka panjang AAN. Delegasi juga diberi peluang melihat kemudahan dan peralatan latihan yang disediakan di AAN.



Lawatan Dan Kunjungan Hormat Delegasi Luar Negara

Dalam tahun 2009, seramai 39 delegasi dari Vietnam, Indonesia, Bhutan, Jordan, China, Cambodia dan Jepun telah mengadakan lawatan ke Jabatan Audit Negara manakala seramai enam delegasi dari Indonesia, Afghanistan, Switzerland dan Brunei telah mengadakan kunjungan hormat kepada Ketua Audit Negara.



AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN

KONVENSYEN KUMPULAN MENINGKAT MUTU KERJA (KMK) PERINGKAT JABATAN AUDIT NEGARA 2009

Tempat : A' Famosa Resort, Melaka
Tarikh : 15 – 16 Disember 2009

Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) peringkat Jabatan Audit Negara (JAN) kali ke-3 telah diadakan di A' Famosa Resort, Melaka pada 15 – 16 Disember 2009. Konvensyen ini telah dihadiri oleh seramai lebih kurang 170 orang pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat Jabatan dan juga Cawangan Audit Negeri. Perasmian Konvensyen telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) Y.Bhg. Dato' Azizah binti Hj. Arshad.

Sebanyak 10 kumpulan telah menyediakan projek untuk menyertai konvensyen yang diadakan pada tahun ini. Kumpulan-kumpulan tersebut dan projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

NO	NAMA KUMPULAN	CAWANGAN/SEKTOR	TAJUK PERSEMBAHAN
1	SINAR-G	Sektor Audit Kerajaan Persekutuan	Mengoptimumkan Pengauditan Prestasi Mengenai Pengurusan Aset Alih Kerajaan
2	ICONS	Sektor Audit Kerajaan Badan Berkanun Persekutuan	Penyimpanan Data Susulan Audit Prestasi Kurang Sistematik
3	KRISTAL	Akademi Audit Negara	Pembaziran Dalam Penyediaan Bahan Kursus
4	DIMENSI	Selangor	Memudahkan Capaian Hasil Laporan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berasaskan Indeks Akauntabiliti di Jabatan Kerajaan Negeri Selangor
5	MUTIARA KINABALU	Sabah	Proses Penyediaan Kertas Kerja Pengauditan Prestasi Yang Kurang Sistematik
6	GAMAT	Pulau Pinang	Menginovasikan Kaedah Penyediaan Fail Kertas Kerja Audit Prestasi
7	MY-V	Sektor Pengurusan	Kesukaran Untuk Mengagihkan Penggunaan Kenderaan Jabatan Kepada Pegawai dan Kakitangan
8	PERINTIS	Pahang	Pemilihan Sampel Baucar Bayaran Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan di Jabatan Negeri Tidak Menggunakan ACL
9	INOVASI	Negeri Sembilan	Mengatasi Kelemahan Pelaksanaan Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti
10	PERKASA	Sarawak	Mengatasi Pengauditan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sarawak Yang Kurang Efisien (eT4SiFBAS)

Projek-projek KMK yang dibentangkan oleh setiap kumpulan telah dinilai oleh 3 orang ahli panel yang dilantik khas iaitu:

- Tn. Haji Hamdi bin Othman (Ketua Panel Penilai) – WNA Systems Inovations Sdn. Bhd.
- En. Tahir bin Kapi – Bekas Pegawai INTAN.
- Cik Mariam Kholidah binti Zulkifli – Bahagian Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri.

Tiga Kumpulan terbaik telah dipilih sebagai pemenang utama Konvensyen KMK tahun 2009 ini. Kumpulan-kumpulan yang terpilih adalah:

- Akademi Audit Negara - Pembaziran Dalam Penyediaan Bahan Kursus.
- My-V (Sektor Pengurusan) – Kesukaran Untuk Mengagihkan Penggunaan Kenderaan Jabatan Kepada Pegawai dan Kakitangan.
- Mutiara Kinabalu (Cawangan Audit Negeri Sabah) - Proses Penyediaan Kertas Kerja Pengauditan Prestasi Yang Kurang Sistematik.



PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2009

Tempat : Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.
 Tarikh : 21 -22 Julai 2009

Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang julung kali diadakan bertemakan “Pengukuhan Kompetensi Ke Arah Pengauditan Berkualiti.” Persidangan ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Setia Haji Ambrin Bin Buang, Ketua Audit Negara dan telah dihadiri oleh seramai 700 Juruaudit pelbagai peringkat daripada Jabatan Audit Negara dan Bahagian Audit Dalam.

Objektif persidangan adalah untuk mendedahkan juruaudit kepada bidang teknik dan pendekatan pengauditan yang terkini sejajar dengan perkembangan semasa; memberi peluang kepada juruaudit berkongsi pengalaman, pengetahuan dan pandangan dalam aspek pengauditan sektor awam; mewujudkan forum perbincangan mengenai isu-isu semasa; dan mewujudkan interaksi yang lebih rapat di kalangan Juruaudit pelbagai peringkat. Pada persidangan ini, sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan seperti di Jadual berikut:-

BIL.	PENCERAMAH	TAJUK
1	Financial Reporting in the Global Financial Crisis	Encik Nik Mohd Hasyudeen bin Yusof (Mantan Presiden Institut Akauntan Malaysia)
2	Strategic Risk Radar	Cik Gladys Leong (Tetuan Ernst & Young)
3	Pencegahan Rasuah di Sektor Awam: Pendekatan dan Kaedah Pencegahan	Y.Bhg Dato’ Hj. Zakaria bin Hj. Jaffar, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
4	Adding Value Using Risk-Based Auditing	Encik Aminuddin bin Hj. Yahaya (Tetuan Jamal Amin & Partners)
5	Pendekatan dan Isu Pengauditan Syarikat	Puan Yusnani binti Zakaria (Timbalan Pengarah Cawangan Pengurusan Syarikat)
6	Pengauditan Pihak Berkuasa Tempatan: Isu dan Cadangan Penambahbaikan	Encik Zulkifli bin Tungal (Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Audit Negeri Terengganu)
7	Pematuhan Kepada FRS Dalam Penyediaan Penyata Kewangan Badan Berkanun	Puan Norliza binti Md Nuruddin @ Nordin (Ketua Penolong Pengarah Audit Sosial 4, Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan)
8	Kewangan Islam: Pembiayaan dan Instrumen	Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Syed Othman Al-Habshi (Ketua Pegawai Akademik, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF))
9	Pengauditan UAD: Isu Dan Cadangan Penambahbaikan	Encik Zulkifli bin Abdullah (Ketua Unit Audit Dalam, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)
10	Pengauditan Alam Sekitar: Perspektif Antarabangsa	Encik Sawaludin bin Md. Nor (Timbalan Pengarah, Bahagian Pengauditan Alam Sekitar)
11	Pengurusan JAN: Ke Arah Jabatan Contoh	Tuan Hj. Aziz bin Mohd Akil (Pengarah Sektor Pengurusan)
12	Pembangunan Modal Insan: Strategi Pelaksanaan	Encik Abdul Wahab bin Ahmad (Pengarah Akademi Audit Negara)
13	Projek Pembinaan: Isu Dan Cadangan Penambahbaikan	Encik Zamani bin Md. Jidin (Timbalan Pengarah Bahagian Teknikal)
14	Inovasi Dalam Pengauditan Melalui Penggunaan ICT	Encik Y. Hamdan bin Mohd Dom (Timbalan Pengarah, Bahagian Pengauditan ICT)

Ketua Audit Negara, Y. Bhg. Tan Sri Dato’ Setia Haji Ambrin Bin Buang dalam ucapan beliau merakamkan tahniah kepada semua warga Audit yang terlibat dengan penyediaan Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 dan juga kepada juruaudit di Unit Audit Dalam Kementerian dan Agensi yang telah menyempurnakan segala dasar yang telah diamanahkan. Beliau juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola yang bertungkus lumus membuat persiapan mengatur dan merancang persidangan kali ini.

Beliau menekankan bahawa juruaudit merupakan satu profesion dan untuk menjamin kecemerlangan profesion itu amatlah mustahak sekali dari masa ke semasa diadakan perjumpaan setahun sekali untuk bertukar-tukar fikiran, untuk mencambah fikiran ke arah memantapkan lagi tahap profesionalisme perkhidmatan awam. Beliau berharap persidangan ini menyumbang kepada peningkatan pemantapan tahap profesional juruaudit awam dan dapat meningkatkan kompetensi dari segi menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran. Oleh yang demikian persidangan seperti akan dijadikan satu perhimpunan tahunan yang terbesar warga Audit sektor awam.

Beliau harap warga audit dapat memahami dan menghayati *tag line* terbaru iaitu “1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” bagi mencapai objektif Kerajaan. Jabatan Audit Negara juga perlu mengamalkan konsep 1Audit kerana dengan adanya dasar pengkaderan perkhidmatan jawatan “W” maknanya kita adalah satu dengan tujuan yang sama meningkatkan akauntabiliti dengan memastikan akauntabiliti dan integriti menerusi pengauditan yang berkualiti.

Sehubungan itu, perancangan Audit mulai sekarang dan untuk tahun-tahun yang akan datang perlu selari dengan *Key Result Areas* yang akan di KPI’kan selain daripada kerja-kerja lain.



Hasil daripada persidangan, Ketua Audit Negara memaklumkan keputusan-keputusan Pengurusan Tertinggi Jabatan Audit Negara seperti berikut:

1. *Training workshop* untuk Juruaudit-juruaudit Syarikat akan diadakan di mana Juruaudit Syarikat akan dipanggil oleh Akademi untuk menjalani kursus yang lebih intensif.
2. Akademi Audit Negara akan menganjurkan kursus *on Islamic Financial Instruments*.
3. Perbincangan dengan Perbendaharaan Malaysia, Akauntan Negara dan Badan Berkanun akan diadakan mengenai *Financial Reporting System*.
4. Kebanyakan kertas-kertas kerja yang dibentangkan akan dijadikan asas menyiapkan artikel bagi Jurnal Audit edisi sulungnya dan dicadangkan untuk dikeluarkan dalam bulan Januari tahun 2010. Jurnal Audit ini akan dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Penyelidikan di bawah Sektor Audit Khas & Penyelidikan.
5. Pihak Pengurusan akan memastikan tiap-tiap Audit Dalam akan ditempatkan dengan Juruaudit yang berpengalaman bagi membimbing juruaudit-juruaudit yang baru. Beliau juga menaruh harapan kepada Ketua-ketua Audit Dalam untuk membimbing anak buah masing-masing.
6. Mengenai isu yang dibangkitkan oleh En. Zulkipli bin Abdullah berhubung Manual / Prosedur / *Terms of Reference* untuk Audit Dalam, Ketua Audit Negara memaklumkan bahawa perkara tersebut memang dalam perancangan dan mengalu-alukan supaya En. Zulkipli untuk mengetuai *working group* tersebut memandangkan beliau merupakan juruaudit yang paling *senior* dan berpengalaman.
7. Jabatan Audit Negara juga harus terlibat dengan *forensic auditing* di mana Akademi Audit Negara diminta untuk mengadakan kursus *body language* untuk membantu pengauditan.



SAMBUTAN HARI AUDIT SE-MALAYSIA TAHUN 2009

Tempat : Pusat Konvensyen, Taman Tamadun Islam,
Pulau Wan Man, Kuala Terengganu
Tarikh : 4 Oktober 2009

Sambutan Hari Audit Se-Malaysia telah dirasmikan oleh YB. En. Ahmad Razif bin Abd. Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri mewakili Menteri Besar Terengganu.

Tema sambutan iaitu “Membantu Negara Berbelanja Secara Berhemat” telah dipilih bagi menyatakan komitmen Jabatan sebagai agensi pemantau dengan memberi maklum balas yang objektif tentang *outcome* dan impak sesuatu program, projek atau aktiviti Kerajaan di semua peringkat menerusi pengauditan yang berkesan dan laporan yang objektif. Majlis yang diadakan buat kali kelima pada tahun ini telah dihadiri oleh 930 orang yang terdiri daripada Ketua Setiausaha/Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan/Negeri, ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Firma Audit Swasta, warga Jabatan Audit Negara serta pegawai dari Bahagian Audit Dalam.

